

"DENGAN semangat kerjasama, eloklah bagi kita untuk mengenal pasti bidang-bidang baru agar kita dapat bekerjasama bagi memenuhi cabaran ekonomi globalisasi yang dibawa oleh teknologi maklumat." - Titah sempena Majlis Santap Negara Memperingati Lawatan Negara ke Republik Ghana 30 Ogos 2000.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"SESUNGGUHNYA orang yang mempersekutukan sesuatu dengan Allah, maka pasti Allah mengharamkan kepadanya Syurga dan tempatnya ialah Neraka. Dan tiadalah seorang penolong pun bagi orang yang berlaku zalim." - Surah Al-Ma-idah ayat 72.

TAHUN 48 BILANGAN 24

RABU 11 JUN 2003/1424 رابو 11 ربيع الآخر

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Kebawah DYMM berkenan menerima watikah perlantikan, menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima watikah perlantikan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia dan menerima mengadap Setiausaha Agung ASEAN.

Majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman itu bermula dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerima watikah perlantikan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tan Sri Mohd. Jamil bin Johari.

Tuan Yang Terutama berusia 56 tahun, sebelum ini menjawat jawatan Timbalan Inspektor Jeneral Polis (IGP) Malaysia.

Sejurus selepas menyembahkan watikah perlantikan, Tuan Yang Terutama kemudian diperkenankan mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Selepas itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima mengadap Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Ong Keng Yong.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang

Oleh
Haji Ahat HI

Dimulakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimulakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng.

Tuan Yang Terutama menggantikan Rodolfo C. Severino Jr. dari Republik Filipina awal tahun ini sebagai Setiausaha Agung pertubuhan serantau itu dan pada masa ini membuat lawatan ke negara-negara ASEAN bagi memperkenalkan dirinya kepada pemimpin-pemimpin dan menteri-menteri ASEAN.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima watikah perlantikan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tan Sri Mohd. Jamil bin Johari di Istana Nurul Iman. - Gambar oleh Ramli Tengah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Ong Keng Yong di Istana Nurul Iman. - Gambar oleh Masri Osman.

Perjanjian dua hala perlu kesamaan

Oleh
Siti Aishah HS

THAILAND, 3 Jun. - Menteri-menteri Yang Bertanggungjawab Bagi Perdagangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) telah bersepakat bagi perlunya perjanjian-perjanjian dua hala mempunyai kesamaan beberapa elemen dan objektif utama bagi membolehkan ianya saling mendukung Sistem Perdagangan Berbilang Hala dan seterusnya menjamin pelaksanaan perundingan Agenda Pembangunan Doha (DDA).

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman menjelaskan perkara tersebut di mesyuarat berkenaan yang diadakan di Khon Kean, Thailand.

Menyentuh mengenai perbincangan mesyuarat terhadap kesan Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) terhadap perdagangan di rantau APEC, Yang Berhormat berkata bahawa

mesyuarat telah memperseutujui Pelan Tindakan APEC terhadap SARS yang antara lain menggariskan usaha untuk :

- * Bekerjasama bagi mengelakkan dari menularnya wabak tersebut.
- * Meningkatkan keyakinan perniagaan di rantau ini.
- * Mengurangkan kesan SARS terhadap masyarakat dan ekonomi di rantau APEC.

Lihat muka 16

Hubungan Brunei - Sweden erat

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Carl Gustaf XVI, Raja Negara Sweden sempena ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Sweden.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat di antara Negara Brunei Darussalam dengan Negara Sweden.

Baginda percaya kedua-dua negara akan terus bekerjasama bagi meningkatkan hubungan ekonomi melalui hubungan dua hala mahupun melalui Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) demi kepentingan kedua-dua buah negara dan rakyatnya.

Seterusnya dalam perutusan itu baginda berharap semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Carl Gustaf XVI sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat negara Sweden akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Institusi-institusi di negara ini perlu mengalu-alukan pakar tempatan - Muka 2

Keberangkatan lawatan Kebawah DYMM ke RBA

- Muka 4, 5, 8 dan 9

Melirik Masa Silam :

Antara Segantang dan Secupak

Memastikan peraturan kewangan difahami

- Muka 11

Pelajar ITQSHHB mampu memenuhi keperluan negara di bidang kepakaran Al-Quran - Muka 14

Umat Islam perlu memelihara diri dan akidah kepercayaan - Muka 3 ANEKA

Derhaka kepada ibu bapa menempa kemurkaan Allah - Muka 4 ANEKA

'Ilmu Asas Keberkesanan Pertahanan' tema sambutan ulang tahun ABDB - Muka 9 ANEKA

KONTAK PELITA BRUNEI
http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita.1.htm e-mel: pelita@brunet.bn
TALIAN PENTING PELITA BRUNEI
2383941 / 2383804 / 2382192
Faks : 2381004 / 2380507

TAHUKAH AWDA

BUDAYA Press, Batu 1, Jalan Tutong, Brunei telah menerbitkan Malaysia, satu-satunya akhbar mingguan berbentuk tabloid yang sepenuhnya dalam tulisan Jawi dalam bulan April 1957. Walau bagaimanapun, akhbar setebal lapan halaman itu yang berharga 20 sen dihentikan penerbitannya pada penghujung bulan September 1958. - Sumber : 'Penerbitan Akhbar Di Brunei' dalam BERITA MUJIZUM, Bilangan 3, Julai - September 1982 (1982 : 43 - 46).



11 JUN 2003 BERSAMAAN 1424 ربيع الأخير 11

KESEJAHTERAAN, KEBAJIKAN RAKYAT TERUS DITINGKATKAN

KEPRIHATINAN Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memeduli semua lapisan masyarakat di negara ini telah menampakkan kejayaan. Namun demikian, kerajaan terus memberikan perhatian yang serius terutama sekali kepada golongan kurang upaya, cacat anggota, orang-orang tua dan masyarakat yang benar-benar memerlukan pertolongan dan perlindungan.

Bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat dengan penduduk negara ini terus terjamin, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah lebih \$42 juta pada setiap tahun bagi pemberian bantuan-bantuan dan elaun-elaun kepada mereka yang memerlukan dan berkelayakan. Sejumlah \$34 juta bagi pembayaran pencen-pencen dan elaun-elaun; \$8 juta bagi bantuan kebajikan bulanan dan \$500 ribu untuk bantuan bencana alam. Dan alhamdulillah, ianya telah dinikmati oleh 14,900 orang tua, 600 - 650 orang cacat (buta, gila dan kurang berdaya anggota) dan sehingga 4,000 - 5,000 ketua keluarga menerima bantuan bulanan kebajikan.

Dari peruntukan kewangan besar yang disediakan itu jelas membuktikan kerajaan terus prihatin dan pemedulian terhadap kebajikan rakyat negara ini. Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Hajah Zaliha binti Haji Mohidin ketika mengumumkan perkara itu baru-baru ini, menjelaskan, selain itu kerajaan juga memberikan tumpuan kepada gejala-gejala sosial di kalangan remaja yang semakin berleluasa dan meningkat. Untuk tujuan itu, dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-8, sejumlah \$20 juta diperuntukkan bagi pembinaan kompleks pemulihan akhlak dan perlindungan remaja lelaki dan perempuan.

Masalah para belia yang sering mendapat perhatian umum juga diberi perhatian yang sewajarnya. Kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menjalankan pelbagai usaha yang konstruktif untuk menjadikan para belia di negara ini bertanggungjawab dan memikul sama usaha pembangunan kerana para belia merupakan aset negara yang amat penting di masa depan. Bagi membantu para belia dalam pembangunan ekonomi terutama sekali dari segi perusahaan belia, kerajaan kini sedang memikirkan satu rancangan dan akan mengusahakan penubuhan Yayasan Belia. Penubuhan yaysan berkenaan diharap akan menjadi pemangkin dan akan dapat membantu para belia kita dalam meningkatkan pembangunan ekonomi mereka selaras dengan objektif Dasar Belia Negara.

Dalam pada itu, belia-belie perlulah bersifat proaktif dan progresif. Mereka perlu lebih ke hadapan dan tidak seharusnya bergantung kepada kerajaan semata-mata. Mereka perlu terlibat aktif dan bukan hanya menjadi penonton terhadap sebarang Rancangan Kemajuan Negara. Mempunyai semangat juang yang tinggi dan rela berkorban demi mempertahankan maruah bangsa dan negara. Dan yang penting pada masa ini mereka perlu mengikis sikap memilih kerja. Dalam erti kata yang lain bersedia untuk mengharungi pekerjaan di sektor swasta dan berdaya maju. Hal ini dipercayai boleh dilakukan oleh para belia kita, cuma yang amat mustahak mereka mesti mempunyai komitmen dan dedikasi dalam bidang pekerjaan.

Ini bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-19 pada 23 Februari 2003. Antara lain baginda bertitah, "Kepada para belia, sikap tidak gemar sebahagian mereka dengan bidang kerjaya di sektor swasta perlulah dikikis dan sebaliknya digantikan dengan sikap dedikasi dan komitmen kepada kerja, tanpa memilih siapa majikan, sama ada kerajaan atau swasta."

Bagi memastikan perancangan yang dibuat oleh kerajaan dalam memeduli hal-ehwal kebajikan dan kesejahteraan orang ramai mendapat kejayaan, sokongan dan kerjasama yang erat di kalangan 'stake holders' amat mustahak. Dan kepada orang ramai adalah diharapkan supaya akan tampil ke hadapan dalam sama-sama menangani usaha-usaha yang diungkuhkan oleh kerajaan ke arah kesejahteraan dan kebajikan masyarakat di negara ini.

HALUAN...

INSTITUSI-INSTITUSI DI NEGARA INI PERLU MENGALU-ALUKAN PAKAR TEMPATAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, segala puji-pujian dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan limpah wahmat-Nya jua, dapatlah kita beramai-ramai hadir di Majlis Konvokesyen Institut Teknologi Brunei bagi kali ke-12, pagi ini.

Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kaum kerabat, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu saya dengan tulus ikhlas ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Lembaga Pengurusan Institut Teknologi Brunei, kerana menjemput saya hadir bagi menyempurnakan Majlis Konvokesyen pada hari ini.

Setiap kali menjelang-nya Majlis Konvokesyen Institut Teknologi Brunei ini, kita setentunya berasa bangga dan bersyukur kerana ini bermakna bertambah lagi bilangan bakal tenaga manusia berkelulusan dan berkemahiran dari kalangan anak-anak tempatan untuk mengisi keperluan tenaga kerja negara.

Apatah lagi bidang-bidang yang mereka ceburi adalah bidang kejuruteraan, teknologi maklumat dan pengurusan perdagangan yang memang benar-benar masih diperlukan.

Ini jelas dilihat daripada rancangan kemajuan negara yang menjurus kepada mempelbagaikan industri dan mempertingkatkan penggunaan teknologi komunikasi maklumat dan teknologi siber sebagai langkah ke arah pengurusan yang lebih cekap dan berkesan di sektor-sektor kerajaan dan swasta.

Susulan dari rancangan-rancangan tersebut, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengorak langkah melalui beberapa inisiatif pembangunan, termasuk usaha-

PENGLIBATAN kepakaran tempatan, saya rasa, harus dialu-alukan kerana ianya akan lebih memberi manfaat dalam konteks Negara Brunei Darussalam di mana kepakaran setempat jika digandingkan dengan kepakaran konsultan luar, setentunya akan membawa dimensi dari segi 'relevence' kepada projek-projek pembangunan tersebut.

usaha mewujudkan e-kerajaan, menubuhkan pusat kewangan antarabangsa dan mengenal pasti industri yang boleh di terokai seperti industri hiliran minyak dan gas dan penghasilan aluminium.

Sehubungan dengan itu, institusi pengajian tinggi negara ini seperti Institut Teknologi Brunei dan Universiti Brunei Darussalam bukanlah semata-mata dilihat sebagai agensi pengeluaran tenaga manusia berkelulusan tinggi.

Malah kedua-dua institusi ini, pada hemat saya hendaklah dilihat sebagai sumber input kepakaran kepada inisiatif-inisiatif sedemikian di mana bersesuaian.

Penglibatan kepakaran tempatan, saya rasa, harus dialu-alukan kerana ianya akan lebih memberi manfaat dalam konteks Negara Brunei Darussalam di mana kepakaran setempat jika digandingkan dengan kepakaran konsultan luar, setentunya akan membawa dimensi dari segi 'relevence' kepada projek-

projek pembangunan tersebut.

Tahap potensi kepakaran tempatan yang sedemikian, adalah tertakluk kepada kemampuan institusi-institusi negara ini dalam menyediakan bidang-bidang yang sesuai yang mereka yakin boleh melahirkan graduan yang berkualiti dan berkemahiran tinggi.

Dengan kemudahan-kemudahan prasarana dan peralatan yang ada sekarang ini, Institut Teknologi Brunei perlu meneroka lebih jauh lagi dalam mengembangkan kursus-kursus yang ada dengan bekerjasama erat dengan pelbagai agensi swasta tanpa bergantung kepada kerajaan.

Oleh itu perancangan kursus-kursus dan program-program akademik, perlu dibuat dengan berpanduan rancangan pembangunan tenaga manusia, rancangan perkembangan ekonomi dan keperluan sektor-sektor swasta pada masa kini dan juga masa depan.



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di Majlis Konvokesyen Ke-12 Institut Teknologi Brunei bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 27 Rabiulawal 1424/29 Mei 2003.

Saya difahamkan bahawa Institut Teknologi Brunei telah merancang untuk menjalankan program kembar dengan beberapa buah universiti di luar negeri dan juga bersedia membuka pintunya untuk membuat usaha sama dalam penyelidikan dengan agensi pengajian tinggi di seberang laut dan industri luar dan dalam negara.

Usaha-usaha sedemikian adalah wajar untuk menjadikan Institut Teknologi Brunei sebagai satu pusat perkembangan tenaga manusia dan penyelidikan teknologi.

Saya berharap, institut ini akan menjadi salah sebuah agensi penggerak kemajuan sains dan teknologi di negara ini dan seterusnya menjadi 'role model' di rantau ini, insya Allah.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada para graduan yang akan menerima Diploma Tinggi Kebangsaan dalam jurusan mereka masing-masing pada hari ini.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Ralat

KETERANGAN gambar di muka 5 PELITA BRUNEI keluaran 4 Jun 2003 di bawah tajuk 'Keberangkatan pulang selepas lawatan kerja ke Pulau Pinang, Malaysia' hendaklah dibaca 'Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan menerima cenderamata yang disembahkan ke hadapan majlis baginda oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Dr. Haji Abdul Rahman (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenaan berbual mesra bersama Tuan Yang Terutama dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Berhormat Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon." - Penyunting.

DYTM menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Setiausaha Agung ASEAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Tan Sri Mohd. Jamil bin Johari, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia yang baru ke Negara Brunei Darussalam (kiri). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia ketika menerima mengadap Tuan Yang Terutama Ong Keng Yong, Setiausaha Agung ASEAN. - Gambar oleh Hamadi HM.

Oleh
Bolhassan HAB

BANDAR SERI BEGAWAN, 4 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri hari ini menerima mengadap Tuan Yang Terutama Tan Sri Mohd. Jamil bin Johari, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia yang baru dilantik ke Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Ong Keng Yong, Setiausaha Agung ASEAN.

Kedua-dua perjumpaan tersebut telah berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan.

Semasa perjumpaan dengan Tuan Yang Terutama Tan Sri Mohd. Jamil bin Johari, Duli Yang Teramat Mulia mengalu-alukan Pesuruhjaya Tinggi tersebut dan mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara dua hala.

Tuan Yang Terutama Tan Sri Mohd. Jamil sebelum ini merupakan Inspektor Jeneral Polis (IGP), Malaysia.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian menerima mengadap Tuan Yang Terutama Ong Keng Yong, Setiausaha Agung ASEAN dan bertukar pandangan mengenai perkembangan serantau dan perkara-perkara kepentingan bersama ASEAN.

TYT menggantikan Rodolfo C. Severino Jr. dari Republik Filipina awal tahun ini sebagai Setiausaha Agung perhubungan serantau itu dan pada masa ini dalam rangka lawatan pengenalan menemui pemimpin dan menteri negara anggota ASEAN.

Pertukaran jawatan

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 Jun. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Sa'fuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa baginda bkenan supaya Awang Haji Jemat bin Haji Ampal, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri ditukar ke Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menjawat jawatan Setiausaha Tetap di Kementerian tersebut.

Sementara Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ditukar ke Jabatan Perdana Menteri menjadi Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri, pertukaran tersebut berkuat kuasa mulai hari Rabu, 4 Rabiulakhir 1424 bersamaan 4 Jun 2003.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim.

Ahli masjid perlu proaktif

Oleh
Abdullah Asgar

SENGKURONG, 4 Jun. - Setiap penghuni masjid haruslah bersikap proaktif dan sentiasa mengikuti perkembangan semasa serta berupaya meneroka bidang-bidang baru dan dan sentiasa peka terhadap pergolakan yang baru berlaku di masjid masing-masing, kata Pengerusi Perhimpunan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid.

Awang Haji Suhaimi bin Haji Md. Noor selaku Pengerusi Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid

masjid Brunei III berkata dengan penglibatan semua orang, institusi masjid akan boleh memainkan perannya dengan mencapai hasrat negara melahirkan masyarakat yang berilmu dan bertakwa.

Ucapan alu-aluan beliau itu disampaikan ketika berlangsung Majlis Perhimpunan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid sempena sambutan Maulud

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi kawasan zon III di Masjid Sultan Sharif Ali, Kampong Sengkuring.

Hadir di majlis itu ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Majlis yang dianjurkan bersama oleh Pejabat Hal Ehwal Masjid Brunei/Muara dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid

Kawasan Brunei III dihadiri oleh wakil 19 buah masjid terdiri dari Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid masing-masing yang juga menyampaikan pesembahan Dikir Syarafil Anam dimulai dengan Dikir Assalafi.

Ia diharapkan dapat mengeratkan tali silaturahmi di kalangan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid selain beramah mesra dan bertukar-tukar fikiran mengenai perkembangan dan kemajuan masjid masing-masing.

Penetapan jawatan, kenaikan pangkat, pertukaran enam pegawai kanan kerajaan

Oleh
Abd. Karim HAB

BERAKAS, 6 Jun. - Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri hari ini memaklumkan penetapan jawatan, kenaikan pangkat dan pertukaran enam orang pegawai kanan kerajaan.

Mereka terdiri daripada Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yunus bin

Haji Mahmud, Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam di Jabatan Perkhidmatan Awam yang ditetapkan jawatan sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam di Jabatan Perkhidmatan Awam mulai 6 Februari 2003.

Dr. Awang Haji Azaharaini bin Haji Mohd. Jamil, Pemangku Pengarah Institut Perkhidmatan Awam di Institut Perkhidmatan Awam ditetapkan jawatan sebagai Pengarah Institut Perkhidmatan Awam mulai 21 Januari 2003.

Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut, Pemangku Pengarah Penerangan di Jabatan Penerangan ditetapkan jawatan sebagai Pengarah Penerangan mulai 16 Mac 2003 dan Awang Mohd. Sahrip bin Othman, Pemangku Pengarah Perancangan Dasar di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ditetapkan jawatan sebagai Pengarah Perancangan Dasar di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri mulai 1 Jun 2003.

Manakala Pengiran Hajah Mariana binti Pengiran Dipa Negara Pengiran Haji Abdul Momin, Timbalan Pengarah

Urusan Semaun Holdings Sendirian Berhad di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dinaikkan pangkat dan ditetapkan dalam jawatan sebagai Pengarah Urusan Semaun Holdings Sendirian Berhad di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mulai 1 Jun 2003.

Sementara Awang Haji Idris bin Haji Mohd. Noor, Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ditukar ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan mulai 9 Jun 2003.



KETUA Pengarah Perkhidmatan Awam, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yunus bin Haji Mahmud.




PENGARAH Institut Perkhidmatan Awam, Dr. Awang Haji Azaharaini bin Haji Mohd. Jamil.



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut



PENGARAH Urusan Semaun Holdings Sendirian Berhad, Pengiran Hajah Mariana binti Pengiran Dipa Negara Pengiran Haji Abdul Momin.



Keberangkatan lawatan Kebawah DYMM ke RBA




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mendengar taklimat semasa berangkat ke Pusat Kargo Udara Antarabangsa Brunei (BIACC). Sementara gambar kanan, baginda mendengar penerangan daripada Pengarah Urusan Pusat Kargo Udara Antarabangsa Brunei (BIACC), Awang Ariffin bin Haji Emran mengenai kemudahan di gudang kargo



Gambar-gambar oleh Hj. Md. Haranadi HB, Halim HS, Masri Osman dan Hamadi HM

BAGINDA menyaksikan tatacara pemeriksaan kargo menggunakan mesin x-ray di Bahagian Eksport Kargo Diraja Brunei (atas). Sementara gambar kanan, baginda meneliti isi kandungan latihan yang dikendalikan bagi para kakitangan kabin.



BAGINDA beramah mesra bersama seorang kakitangan di Pusat Kargo Udara Antarabangsa Brunei (BIACC) (kiri). Sementara gambar kanan, baginda menyaksikan sebahagian perolehan dan dokumen di Jabatan Perhubungan Awam RBA.



BAGINDA mendengar sembah penerangan oleh Pengurus Kejuruteraan RBA, Awang Hassan bin Tengah semasa berangkat ke simulator pesawat B767-300R/757-200 di Bangunan Simulator.



BAGINDA meninjau kemudahan dalam simulator latihan bagi kakitangan kabin sambil bertukar pandangan bersama para pegawai RBA.



BAGINDA menyakikan peralatan perubatan dan bantuan kecemasan yang disediakan dalam pesawat (atas).

BAGINDA semasa berangkat meninjau kemudahan di Kompleks Sukan RBA (kiri).

BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah daripada kakitangan sektor swasta yang berurusan dengan Pusat Kargo Udara Antarabangsa Brunei (BIACC) (kanan).



BAGINDA berkenan bergambar kenangan bersama para pegawai dan kakitangan Jabatan Perhubungan Awam.

PENGANGKUTAN adalah nadi perhubungan dan merupakan antara rangkai kerja yang memudahkan kegiatan berurusan. Baik dahulu mahupun sekarang, keperluan perhubungan adalah sentiasa mengalami perubahan terutama dalam konteks 'penyempurnaan' yang tidak akan pernah selesai selagi pembangunan dalam berbagai prasarana berjalan terus.

Satu misal yang jelas ialah proses perubahan struktur masyarakat kita sendiri dalam kaitannya dengan pengaturan cara hidup harian setakat yang menyangkut dengan kemudahan tempat tinggal sahaja, tegasnya rumah dan pemilikan.

Pada satu ketika yang berlalu, Kampong Ayer adalah kawasan yang padat dengan rumah dan kebanyakannya setiap sebuah rumah itu diduduki oleh lebih dari satu keluarga. Keadaan itu terus berkembang apabila setiap sebuah keluarga itu merasa perlu dan berupaya pula untuk memiliki rumah sendiri. Dengan yang demikian terbinalah sebuah lagi rumah yang bererti jumlah rumah adalah bertambah.

Maka pertambahan yang demikian ini sukar dibendung dan alasannya cukup difahami kalau ditinjau dari sebab-musababnya. Antaranya ialah keperluan hidup berkeluarga yang tidak molek terus bergayut di bahu indung. Satu lagi sebab biasa ialah penambahan atau pembesaran rumah yang berlaku sama ada disebabkan ahli keluarga bertambah mahupun pada kalangan yang mahu lebih kepada keselesaan ataupun yang berkaitan dengan perusahaan, kerja persendirian dan yang seumpamanya.

Semuanya berlaku dengan tidak dapat dikawal secara berkesinambungan ada peraturan diperkenalkan sejak lama juga supaya setiap pertambahan yang dibuat perlulah mendapat kebenaran pihak-pihak yang berwajib.

Namun salah satu langkah untuk mengurangkan kepadatan itu, maka sejak tahun-tahun 1950-an lagi sudah diperkenalkan satu Rancangan Perpindahan Penduduk-penduduk Kampong Ayer Ke Darat. Antara yang terawal itu ialah seperti Kampong Delima Satu, Anggerek Desa dan kawasan Burong Pingai Berakas. Selain daripada itu, tanah-tanah 'positan' juga dibuka kepada siapa-siapa sahaja yang ingin memosinya malah tanah-tanah itu telah diagih-agihkan kepada siapa sahaja yang mahu. Syaratnya amat mudah. Selain dari membayar cukai tanah yang hanya beberapa sen sahaja, pemosit-pemosit (peneroka) dikehendaki membersihkan tanah-tanah positan mereka dan mengisikannya dengan tanaman-tanaman seperti mana jenis-jenis tanaman dipersetujui dalam kertas pemosisan masing-masing.

Di bawah rancangan perpindahan yang awal itu seperti di sekitar kawasan Berakas tersebut, ia tidak setakat memindahkan orang di Kampong Ayer ke darat tetapi juga memperkenalkan satu kehidupan baru kepada mereka yang merupakan satu peralihan cara hidup iaitu daripada berkhidmat kepada laut berpindah kepada tanah (secara umumnya).

Mereka inilah antara yang diberi keutamaan dalam rancangan tersebut. Mereka yang berjaya

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

ANTARA SEGANTANG DAN SECUPAK

diberikan beberapa ekar tanah setiap seorang untuk membina rumah dan membuka kebun dan ladang getah dengan dibekalkan benih, baja, racun serangga di samping tunjuk ajar, dan bimbingan yang berterusan dari pihak Jabatan Pertanian pada waktu itu. Ia lebih menjurus kepada khidmat nasihat yang terarah termasuklah untuk meningkatkan dan memperlakukannya hasil bumi negara.

Projek ini adalah antara yang terbesar dan memakan jumlah peruntukan kewangan yang bukan sedikit. Dilihat kepada prasarannya sahaja termasuk rumah, pembinaan jalan-jalan kecil, bekalan api elektrik dan air sudah cukup membayangkan betapa besarnya belanja kerajaan. Kalau ditambah lagi dengan bantuan-bantuan kewangan sama ada untuk sara hidup dan membeli mesin-mesin serta lain-lain kelengkapan yang diperlukan yang hanya dibayar dari hasil-hasil yang disuruh-usahkan itu, maka sudah tentulah jumlahnya itu semakin besar juga.

Akan tetapi amat sayang sekali apabila projek tersebut tidak memberikan pulangan yang diharapkan kerana selain hanya berdirinya rumah-rumah dan sepokok dua tanaman.

Impian untuk menjadikan hasil tani dan perladangan menjadi salah satu sumber pendapatan negara yang boleh dibanggakan itu hanya tinggal begitu-begitulah keadaannya. Impian untuk melahirkan petani-petani yang berkemahiran dan peladang-peladang yang berwibawa dari semenjak lebih dari 50 tahun yang lalu itu hingga sekarang belum dapat dipastikan ada tidaknya. Ini tidak terkecuali padi dan segala macam penternakan.

Brunei memang sudah sejak lama lagi bercita-cita untuk mengelakkan pergantungan bekalan makanan dari luar, bahkan sejak lama juga berhasrat hendak menjadikan buminya yang sederhana itu bakal menjadi pembekal dan pengeksport sedikit sebakannya kepada luar dan sekali gus untuk dapat mengimpor hasil minyak dan gas yang pada satu ketika dulu pernah dikatakan akan tidak boleh diharap-harapkan lagi dalam jangka tempoh waktu yang cukup mendebarakan itu. Namun kini, ia tetap wujud dan terus berbakti kepada negara dan terus menjamin kehidupan rakyat dan penduduknya.

Biarpun hasil minyak dan gas terus berada dalam keadaan yang cukup mantap namun sekali lagi kita selalu diperingatkan akan betapa pentingnya dijalankan usaha-usaha lain sebagai 'penggimbar' sumber pendapatan utama negara itu.

Kekhuatiran bukan menjadi satu kesalahan malah ianya amat perlu pada bidang-bidang ekonomi yang menjadi nadi maju mundurnya negara dan makmur tidaknya kehidupan rakyat. Kerana kekhuatiran itu timbulnya banyak usaha sejauh ini terutamanya bidang pertanian dan perikanan selain berkembang luasnya bidang-bidang prasarana itu tadi.

Ekoran dari perkembangan semua itu, kita berpeluang tentang kebanyakan tenaga-tenaga pekerja dari luar. Kerana ramainya mereka itu, kebanyakan sudut yang dulunya sepi telah 'dijelamai' oleh mereka. Kawasan-kawasan baru juga sudah mula dibuka yang sekali gus pula telah menimbulkan banyak perkara yang baru juga.

Kita lihat sahaja sejak tahun kemerdekaan 1984 sehingga sebelum terjadinya krisis ekonomi dunia melanda yang juga terus menempasi negara kita itu. Ertinya, di sepanjang masa yang pesat membangun itu, banyak perkara telah berubah dan apabila tahun-tahun pesat itu beranjak kepada tahun-tahun menurun, perkara-perkara baru itu tidak pula turut menurun, ada yang bertahan dan sebilangan kecilnya pula mungkin kurang sedikit dari bertahan itu.

Hendak dikatakan lenyap, ianya adalah sesuatu yang sukar dilihat secara pasti. Misalnya sahaja pada aspek sosial masyarakat kita. Ada banyak kesan yang diterima oleh diri kita sendiri yang 'dihadihkan' oleh perkara-perkara baru kerana pembangunan itu tadi.

Ambil saja sudut interaksi antara masyarakat kita dan masyarakat yang membantu pembangunan negara kita itu. Tidak terkecuali soal jodoh pertemuan bahkan cara hidup kita juga secara halus telah beransur-ansur 'beringsut' meninggalkan tapak lama yang serba manis menuju ke tapak baru yang dikira lebih manis lagi. Namun tidak juga terelak yang pahitnya, lalu semuanya dipulangkan kepada takdir Allah Yang Maha Mengetahui.

Mungkin ada yang mengatakan bahawa lingkungan kehidupan kita sudah banyak yang susut yang kononnya berlaku kerana gara-gara budaya orang luar yang dibawa masuk dan dipraktikkan di negara kita ini tanpa memperkirakan budaya dan resam tempatan. Akibatnya ada yang seperti merasa dirugikan.

Keluhan juga sudah banyak terhidang di dada akhbar tentang berlakunya banyak macam penyakit sosial dan banyak macam perangai berlaku. Kita boleh lihat saban hari tentang perangai ketika memandu kereta yang sudah kurang benar tertibnya. Sebelum memiliki lesen memandu dan ketika sedang belajar memandu, ketertiban itu dipelihara begitu rupa. Tetapi selepas itu, ramai yang tidak boleh bertahan lama dalam ketertiban yang diperlukan oleh undang-undang.

Antara sebabnya ialah kerana kurang sabar dan suka benar melayan tuntutan rasa 'gergitan', tidak mahu kalah dan segala macam keegoan. Keluhan yang demikianlah yang banyak termuat di dalam akhbar.

Di masa silam memang tidak ada hal-hal yang demikian itu kerana jalan raya tidak banyak dan kenderaan juga tidak banyak dan orang juga tidak ramai. Tidak banyak menyakitkan dan yang menyulitkan. Agaknya, mungkin sudah menjadi hukum kepada kebiasaan bahawa yang banyak dan ramai itu akan banyak dan ramai jugalah tingkah dan gelagat serta untung ruginya. Atau kata orang tua-tua dahulu bahawa yang segantang itu segantang jugalah sukatan dan isinya sementara yang secupak itu secupak jugalah olehnya.



Pemilihan calon SEA Write Award 2003 mengikut kriteria

BERAKAS, 29 Mei. - Ahli-ahli panel penilaian bagi memilih calon menerima SEA Write Award 2003 memaklumkan pihak penganjur tidak menentukan genre karya tetapi di antara kriteria penting ialah hasil diterbitkan dalam jangka waktu tiga

Oleh
Abdullah Asgar

tahun kebelakangan dan dibukukan secara persendirian bukan bersama, kata Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Jelasnya, penerima juga dinilai berdasarkan ketokohan dan senioriti serta 'exposure' dalam bidang penulisannya jika bersaing dengan beberapa orang calon lain.

Tambahnya, lain halnya jika dalam tahun penilaian itu dilakukan tiada saingan iaitu cuma satu calon saja yang ada.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Mohd. Yassin mendedahkan perkara ini ketika berucap di Majlis Penyampaian Ihsan terbitan DBP dan ASEAN-

COCI kepada pengetua maktab/sekolah menengah seluruh negara.

Katanya, menilai seseorang atau sesebuah karya itu bukannya perkara mudah. Justeru panel penilai berusaha sebolehnya memilih calon yang apabila diumumkan, diterima oleh majoriti penelaah sastera.

"Memang tidak mungkin dipersetujui oleh semua, hal biasa, keragaman inilah membuat hidup lebih bertenaga sebagaimana karya sastera," tambahnya.

Menyampaikan buku-buku terbitan DBP ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Awang Haji Matussin bin Omar.

Sebanyak 42 buah

sekolah yang terdiri dari maktab dan sekolah-sekolah menengah kerajaan dan bukan kerajaan disumbangkan bahan-bahan terbitan DBP.

Sejauh ini DBP telah menyediakan pelbagai wahana bagi penulisan dan lisan antaranya Juara Pelajar yang dihasratkan bagi menampung tulisan untuk golongan remaja sementara Bahana memuatkan karya kreatif dan Beriga pula hasil karya selain sastera dan bahasa.

Sementara tulisan mengenai bahasa dan linguistik dimuatkan dalam Jurnal Bahasa sementara esei dan kritikan sastera dalam Jurnal Pangsura.

Manakala, bagi penelaah Undang-undang Syariah disediakan Jurnal Undang-Undang Syariah dan penuntut sekolah rendah dengan majalah Mekar.



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Matussin bin Omar menyampaikan buku-buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka kepada seorang pengetua. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Festival Filem Animasi Jepun

JERUDONG, 1 Jun. - Orang ramai diberi peluang untuk menyaksikan beberapa filem animasi popular Jepun sempena Tahun Pertukaran ASEAN - Jepun Tahun 2003 yang dikendalikan oleh Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam dan Yayasan Jepun.

Sehubungan dengan itu, satu tayangan khas dan Majlis Resepsi oleh Duta Besar Jepun, Tuan

Oleh
Siti Aishah HS

Yang Terutama Hara Satoshi diadakan di Empire Cinema.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi menjadi tetamu kehormat di majlis berkenaan.

Yang Amat Mulia berkenan menyaksikan filem animasi 'Astro Boy'

yang diilhamkan oleh Tezuka Osamu yang dianggap sebagai bapa pengasas filem animasi di Jepun.

Lain-lain filem juga ditayangkan iaitu 'Pictures At An Exhibition', 'Galaxy Express 999', cerita pengembaraan yang dramatik 'The Dagger of Kamui', 'The Prince of the Sun' ciptaan Miyazaki Hayao dan kisah percintaan dalam filem 'The

White Snake' dan 'Home of Acorns'.

Festival Filem Animasi itu adalah berikutan Program Pertukaran ASEAN - Jepun Tahun 2003, bagi memberi peluang kepada masyarakat negara ini mengenai aspek penting kebudayaan Jepun dan pada masa yang sama menjalin persefahaman antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun.

Negara sokong empat bidang Rancangan Belia Komanwel



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain sekembalinya dari menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Belia Komanwel Ke-5 di Gaborone, Botswana. - Gambar oleh Hamadi HM.

BERAKAS, 2 Jun. - Negara Brunei Darussalam menyokong penuh empat bidang yang diluluskan dalam Mesyuarat Menteri-menteri Belia Komanwel Ke-5 yang berlangsung di Gaborone, Botswana.

Bidang-bidang yang akan diberi keutamaan untuk dilaksanakan oleh Rancangan Belia Komanwel bagi tahun-tahun 2003 - 2006 termasuk Pembangunan Perusahaan Belia, Rangkaian Belia dan Mekanisma Penglibatan Belia Dalam Pembuatan Keputusan, Penyertaan Belia dan Latihan dan Pendidikan Pekerja Belia.

"Negara Brunei Darussalam, memang kita tidak

Oleh Samle HJ

ada halangan malah menyokong penuh bidang-bidang yang diluluskan kerana semuanya adalah terkandung dalam Dasar Belia Negara kitani," jelas Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain ketika sidang akhbar sekembalinya dari menghadiri mesyuarat berkenaan.

Menurut Yang Berhormat terutama dari segi Perusahaan Belia adalah salah satu rancangan yang sedang difikirkan dan akan diusahakan bagi menubuhkan Yayasan Belia yang diharapkan untuk membantu belia dalam pembangunan ekonomi mereka.

Dari segi Latihan dan Pendidikan Pekerja Belia pula, Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan perkembangan dalam

perkara itu yang akan meningkatkan status pekerja belia dan memberi pengiktirafan bagi pekerja belia untuk mempertingkatkan profesionalisme mereka.

Mesyuarat itu diadakan dari 27 hingga 30 Mei lalu didahului Mesyuarat Lembaga Penasihat Ke-4 Rantau Komanwel dan 'Pan-Commonwealth Youth Forum'.

Mesyuarat tersebut dirasmikan oleh TYT Festus Mogae, Presiden Republik Botswana dan dipengerusikan oleh TYT Menteri Buruh dan Dalam Negeri Botswana yang bertanggungjawab atas hal-ehwal belia.

Delegasi Negara Brunei Darussalam diketuai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain.

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani

juga menyertai rombongan berkenaan.

Mesyuarat yang pertama 'Belia: Rakan Pembangunan Membanteras Kemiskinan dan HIV/AIDS' disertai oleh 37 buah negara Komanwel yang terdiri daripada 23 menteri penuh dan 29 delegasi yang mewakili belia masing-masing.

Mesyuarat itu bertujuan bagi mendengar laporan Rancangan Belia Komanwel sejak tahun 2000 dan untuk menentukan hala tuju Rancangan Belia Komanwel bagi tahun 2003-2006 dan meluluskan Pelan Strategi dan Operasi Rancangan Belia Komanwel bagi tahun 2003-2006.

Sementara itu, para menteri berkenaan juga telah memberi mandat kepada Rancangan Belia Komanwel untuk meneruskan usaha-usaha mereka dalam meningkatkan kesedaran awam terutamanya belia mengenai HIV/AIDS melalui promosi-promosi ke arah cara hidup yang sihat.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Abdul Hamid berucap merasmikan Bengkel Penulisan Karya-karya Umum Untuk Akhbar dan Majalah. Majlis berlangsung di UBD. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Golongan penulis boleh memupuk perpaduan dan pemangkin semangat

GADONG, 28 Mei. - Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri berkata sumbangan besar yang boleh disumbangkan oleh golongan penulis ialah dalam memupuk perpaduan, di samping mendorong dan menjadi pemangkin semangat dan minda rakyat dan penduduk negara ini untuk bersikap positif dan berdaya maju.

Para penulis tambahnya boleh menggunakan ketajaman pena mereka untuk menangkis dan memunahkan sebarang usaha orang-orang yang berniat jahat kepada negara yang mengembar-gemburkan mengenai pemimpin dan negara di media tempatan dan luar negara.

"Malah mereka juga dapat memberigakan keindahan, keamanan dan kesantunan penghidupan di negara ini ke mata luar. Ini

merupakan medan di mana mereka dapat menyumbang secara langsung dalam pembangunan dan perpaduan negara," jelas Pengiran Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Mohd. Yassin di Majlis Perasmian Bengkel Penulisan Karya-karya Umum Untuk Akhbar dan Majalah berlangsung di Universiti Brunei Darussalam (UBD) di sini.

Dalam hubungan itu ujaranya, para penulis akan terus berusaha untuk menghasilkan penulisan-penulisan yang berasaskan fakta-fakta yang sahih bukan yang dibuat-buat, ini akan dapat menjamin kredibiliti media di mana maklumat itu disalurkan iaitu sama ada berunsur cetak mahupun elektronik.

Katanya persepsi iaitu proses mengintrepetasi maklumat-maklumat yang

diterima melalui pancaindera adalah berlainan antara seseorang dengan seorang yang lain.

Justeru tambahnya sebarang 'message' yang disalurkan melalui penulisan boleh diterima secara berlainan oleh pembaca tetapi penulisan yang berjaya akan memukau, memberi ketagih dan mencorakkan minda.

"Di sinilah betapa pentingnya teknik penulisan yang betul. Penulisan yang berjaya akan dapat menyampaikan maksud sebenar penulisnya dan seterusnya mempengaruhi pemikiran pembacanya," jelasnya.

Seramai 45 orang penulis menyertai bengkel dua hari anjuran Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik, Fakulti Sastera dan Sains Sosial UBD.

Oleh
Haji Ahmad HS

Ralat

PELITA BRUNEI keluaran Aneka 28 Mei 2003 muka surat 11 yang bertajuk 'Perkhidmatan 24 jam perlu penelitian rapi' kolum 3 ayat bermula "Dato Paduka menjelaskan, pada waktu ini klinik-klinik yang hanya memberi perkhidmatannya selama 24 jam hanya di Klinik Ong Sum Ping dan Klinik Sungai Liang yang lainnya masih lagi beroperasi secara waktu pejabat sahaja."

Perenggan berkenaan hendaklah dibaca "Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Zainal bin Haji Momin menjelaskan, pada waktu ini klinik yang memberi perkhidmatannya selama 24 jam hanya di Klinik Sungai Liang, se-

mentara klinik-klinik lain masih lagi beroperasi secara waktu pejabat sahaja.

Walau bagaimanapun perkhidmatan pesakit luar yang diberikan di Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan, Ong Sum Ping, di samping beroperasi pada waktu-waktu bekerja, Pusat Kesihatan berkenaan juga memberikan perkhidmatan pesakit luar dari jam 6.00 petang hingga 9.00 malam. Manakala itu, pada hari Jumaat dan Ahad serta hari-hari kelepasan awam perkhidmatan di pusat ini dibukakan dari jam 2.00 petang hingga 9.00 malam."

Sementara itu PELITA BRUNEI edisi Aneka keluaran 14 Mei 2003 muka surat 9 yang mana telah memaparkan gambar dan

keterangan gambar:

'Doktor Hajah Maslinda ketika menerangkan kepada media mengenai ubat-ubatan dari Australia dan Jamu Ramuan Tradisional Madura Sehat Badan' yang mana gambar tersebut sebetulnya gambar Dr. Roslina binti Haji Metussin, Pegawai Perubatan yang telah menerangkan mengenai Pusat Pemeriksaan SARS yang terdapat di Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan.

Walau bagaimanapun, gambar dan keterangan gambar berkenaan tidak ada kaitan dengan artikel yang bertajuk 'Produk Pan Pharmaceuticals ditarik balik pemasarannya' dan 'Jamu Tradisional Madura Sehat Badan Didapati Mengandungi Racun'.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PERKHIDMATAN BANGUNAN, JABATAN KERJA RAYA (KUALA BELAIT)

UNIT PEMBENTUNGAN (Bhg. 1)

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
	Aduan Permohonan Perkhidmatan	
1.	Setiap aduan sama ada secara lisan atau bertulis akan dimaklumkan secara rasmi dengan menggunakan borang aduan	2 hari
2.	Persuratan yang memerlukan maklumat	7 hari
3.	Pembaikan bagi kerja-kerja	7 hari
4.	Jika pembekalan tidak dapat dilaksanakan, pengadu akan dimaklumkan dengan sebabnya sekali	14 hari



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berinteraksi bersama para kakitangan Bahagian Perkhidmatan-perkhidmatan Teknikal dan Perancangan Pemeliharaan di Hanger RBA.



BAGINDA beramah mesra bersama kakitangan Restoran RBC, Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (atas kiri).

BAGINDA menyaksikan persekitaran dan kemudahan yang terdapat di Hanger RBA (kanan).



BAGINDA disebarkan penerangan mengenai menu yang disediakan di Restoran RBC, Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (atas kiri).

BAGINDA meneliti peralatan dan perkakas yang digunakan dalam setiap penyajian makanan semasa Penyajian Diraja Brunei (RBC) (kiri).

BAGINDA semasa berangkat meninjau lebih dekat kemudahan Hangar RBA (atas).

Kebawah D berangkat lawat RBA



YMM

Gambar-gambar
oleh
Hj. Mohd. Haranadi
HB, Harun HR dan
Hj. Masmaleh HMA

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wad-
daulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat melawat Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) dan kemudahan-kemudahan serta bahagian yang dikendalikan oleh Jabatan Penerbangan Awam di Kompleks Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada 3 Jun yang lalu.

Keberangkatan baginda ke RBA kali ini lebih menumpukan kepada aspek keselamatan dan perkhidmatan syarikat berkenaan.

Sebelum ini, pada 31 Mac lalu, baginda telah berkenan berangkat melawat Plaza RBA yang terletak di ibu negara.



BAGINDA berkenan bergambar kenangan bersama para pegawai dan kakitangan RBA di Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.



SEORANG pegawai kewangan menyebarkan penerangan ke hadapan majlis baginda (atas kiri).

BAGINDA meneliti alat pengesan keselamatan yang digunakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei di Balai Berlepas, Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (atas kanan).

SESI taklimat tertutup antara baginda bersama pihak pengurusan RBA (kiri).

BAGINDA disebarkan mengenai kemudahan dobi di Pusat Penyajian Diraja Brunei (bawah kiri).

BAGINDA mendengar penerangan seorang anggota polis mengenai fungsi dan tatacara penggunaan mesin pengimbas bagasi di Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (kanan).

BAGINDA bertanyakan sesuatu semasa berangkat melawat kantin di Hangar RBA (bawah kanan).





PEGAWAI Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah ketika mempengerusikan Majlis Perjumpaan Jabatan Daerah Be

BUDAYA MEMINTA-MINTA LEMAHKAN MASYARAKAT

LABI, 11 Mei. - Budaya meminta-minta dan terlalu bergantung kepada pihak lain dalam jangka masa yang panjang tidak akan menguntungkan malah akan melemahkan masyarakat, kata Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah.

Katanya lagi akibat terlalu bergantung kepada pihak pemberi, inisiatif mandiri, daya tahan dan daya saing akan terhakis. Beliau berucap demikian di Majlis Perjumpaan Jabatan Daerah Belait bersama penduduk Mukim Labi. Juga hadir Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Dato Paduka Haji Abdul Ghani. Majlis bertemakan 'Pemimpin Bersama Rakyat' itu diadakan di Balai Raya Mukim Labi.

"Kita sepatutnya bersikap proaktif merancang, mengusahakan dan menyajikan sesuatu itu demi untuk kesejahteraan masyarakat dan penduduk mukim dan kampung. Dengan demikian barulah kita dapat berbangga bahawa setiap kejayaan dan kemajuan yang dicapai itu tersisip di dalamnya inisiatif, daya usaha dan titik peluh yang kita tabur seiring dengan sumbangan yang diberikan serta dihulurkan oleh pihak kerajaan," katanya.

Beliau menambah dalam hubungan ini kerajaan da-

**Berita dan gambar-gambar oleh
Dk. Hjh. Saidah PHOA**

lam memainkan peranan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya akan sentiasa berusaha ke arah membangun dan meningkatkan kemajuan negara bagi menjamin kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Bagi memastikan pelaksanaan semua itu bagi tahun ini katanya, sebanyak \$1 bilion telah diperuntukkan bagi projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-8, manakala tahun lepas pihak kerajaan juga telah komited memperuntukkan \$1 bilion bagi pelaksanaan projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara dengan tidak mengecualikan kawasan pedalaman dan luar bandar.

Beliau menambah melalui agensi tertentu pihak kerajaan tidak kendur-kendurnya akan melaksanakan pembangunan dan memberikan bantuan membina kemudahan dan prasarana asas di kawasan pedalaman dan luar bandar dengan merangka program pembinaan jalan raya penghubung, pertanian, infrastruktur kemajuan perumahan dan banyak lagi kemudahan awam yang lain.

"Tanah-tanah untuk usaha pertanian diperluas-

kan untuk menuju kescimbangan dan mengurangkan jurang pendapatan antara kawasan luar bandar dan kawasan bandar dan seterusnya memberikan hasil pulangan dan pekerjaan sekali gus meningkatkan kualiti kehidupan penduduk luar bandar," katanya.

Beliau seterusnya menjelaskan inisiatif awal menggerak masyarakat mukim dan kampung menuju ke arah budaya bantumembantu, berdikari dan jati diri di kalangan penduduk mukim dan kampung telah dimulakan oleh kerajaan dengan penubuhan Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPM/K) di bawah pimpinan penghulu dan ketua kampung di seluruh negara pada awal tahun 90-an.

Menurut beliau MPM Labi merupakan yang berjaya berfungsi menghasilkan program jaya diri sekali gus menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam khususnya di bidang pengeluaran hasil pertanian.

"Pihak kerajaan sangat menghargai sumbangan sedemikian dan menjadi contoh kepada masyarakat mukim dan kampung yang lain di negara ini," katanya.

Dari itu beliau menyarankan MPM Labi akan terus meneroka bidang lain seperti pelancongan kerana ianya mempunyai daya tarikan yang tersendiri yang boleh dikembangkan.

Majlis anjuran Jabatan Daerah Belait dengan kerjasama MPM Labi itu sebagai landasan bertukar-tukar fikiran bagi membina masa depan yang lebih baik lagi dan melaluinya diharap akan memberkesakan lagi peranan dan tugas jabatan-jabatan kerajaan di dalam merancang dan merencanakan urusan mengendalikan pembangunan dan kemajuan yang berpatutan, sesuai dan bertepatan dengan keperluan setempat yang menuju ke arah meningkatkan dari masa ke semasa taraf dan kualiti kehidupan penduduk mukim dan kampung.

Selain itu matlamat majlis itu diadakan bagi memberikan penerangan seberapa luas dan mendalam menerusi kegiatan interpersonal ke atas rancangan kerajaan, di samping mendorong minat dan pendapat orang ramai untuk bergerak ke arah perubahan sosial sejajar dengan matlamat pembangunan kerajaan.



TIMBALAN Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP), Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali ketika menyaksikan pameran lukisan hasil karya pelukis-pelukis tempatan.



TIMBALAN Pengarah BSP me Minyak dan Gas (OGDC) di Se



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar menjadi tetamu kehormat di Majlis Doa Selamat bermulanya sesi taklimat anjuran Kementerian Kewangan. Majlis berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam, Kampong Rimba. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Pastikan ASEAN sentiasa relevan dengan pergolakan semasa

BERAKAS, 27 Mei.- Para pemimpin ASEAN perlu bekerja keras bagi memastikan bahwa ASEAN sentiasa relevan dalam kancah pergolakan semasa.

Ke arah itu penduduk-penduduk atau warga ASEAN perlu diberikan kefahaman mengenai perkembangan terkini ASEAN dalam pelbagai bidang sama ada ekonomi, sosial mahupun politik.

Perkara itu dinyatakan oleh Pengerusi Komite Nasional ASEAN-COCI Brunei Darussalam, Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Bakry mengenai kebudayaan dan penerangan di pelancaran Siri Seminar Penerangan ASEAN yang berlangsung di Hotel Orchid Garden di sini.

Beliau berkata, perubahan-perubahan yang melanda sekitaran ASEAN sama ada pada peringkat global atau serantau telah secara langsung memberikan kesan kepada ASEAN.

Dengan adanya majlis tazkirah seperti seminar ini, tambahnya, para peserta akan mendapat ilmu pengetahuan secara langsung dan terkini daripada pembentang-pembentang kertas kerja dan ahli panel dalam sesi forum nanti dan mereka juga akan dapat berinteraksi secara sihat dan yang paling penting percambahan fikiran dapat berlaku di antara ahli akademik, pengubal dasar dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam kesejahteraan ASEAN. Memandangkan latar belakang para peserta terdiri daripada pelbagai bidang dan kepakaran, perkara itu akan menambahkan lagi kualiti seminar yang diadakan itu.

Seminar seperti itu juga katanya, secara langsung akan menangkis segala berita yang tidak betul atau negatif mengenai ASEAN. Kita maklum bahawa terdapat maklumat-maklumat yang kurang tepat atau sengaja dimanipulasi oleh golongan-golongan tertentu dalam memberikan gambaran yang negatif mengenai ASEAN.

**Oleh
Aliddin HM
Gambar-gambar
oleh Masri Osman
dan Hamadi HM**

"Adalah tanggungjawab kita bersama untuk menyahut seruan dan harapan pemimpin-pemimpin dalam ASEAN untuk mengekalkan rantau ASEAN sebagai sebuah rantau yang aman dan selamat," ujarnya.

Beliau menambah, dalam memberigakan perkembangan ASEAN ini, Komite Nasional ASEAN-COCI Brunei Darussalam akan sentiasa berusaha membuat perancangan secara proaktif dan reaktif melalui Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI Brunei Darussalam.

Beliau berharap hasil seminar itu nanti akan dapat disebarluaskan kepada masyarakat sekeliling atau jika boleh kepada warga di luar ASEAN.

Melalui penyebaran maklumat yang betul terutamanya kepada warga di luar ASEAN secara langsung akan memberikan keyakinan kepada pelabur-pelabur asing datang ke rantau ini, tambah Dato Paduka.

Terdahulu dari itu, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI Brunei Darussalam dalam ucapannya antara lain men-

jelaskan mengenai pelancaran Siri Seminar Penerangan ASEAN di bawah kelolaan Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI adalah salah satu projek dalam usaha meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap ASEAN dan kedudukannya di kalangan masyarakat antarabangsa dan ini terkandung dalam 'Pelan Tindakan Hanoi' yang telah dirangka bagi melaksanakan dan merealisasikan Wawasan ASEAN 2020 iaitu bermula pada tahun 1999 hingga 2004.

Beliau berharap seminar itu akan dapat memberikan banyak faedah kepada para peserta dan meningkatkan tahap kesedaran mengenai ASEAN di negara ini.

Siri pertama seminar membawa tema 'Potensi Ekonomi Kecil dan Sederhana (SMEs)'.

Seminar sehari itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan para peserta mengenai potensi ekonomi ASEAN dalam menyumbang kepada perkembangan pengusaha kecil dan sederhana dan memberikan peluang kepada pengusaha-pengusaha muda mengetahui perkembangan SMEs dalam ASEAN.

Seminar disertai oleh para pegawai kerajaan, pelajar-pelajar dari pusat pengajian tinggi, maktab-maktab, pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana dan ahli-ahli akademik.

Dalam seminar itu bebe-

rapa kertas kerja dibentangkan antaranya kertas kerja yang bertajuk 'Peluang-peluang Perniagaan Dalam ASEAN Bagi SMEs' oleh Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman dan kertas kerja bertajuk 'Strategi dan Langkah-langkah Dasar Dalam Meningkatkan Kemajuan SMEs Di Brunei' oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Pengiran Abdul Malik bin Pengiran Badaruddin.

Bagi siri 2003 - 2004, sebanyak tiga Siri Seminar Penerangan ASEAN akan diadakan dan bertemakan 'Instilling Deeper Understanding of ASEAN Among Youth and Bridging The Information Gap: Intra and Inter ASEAN'.

Memastikan peraturan kewangan difahami

**Oleh
Haji Ahmad HS**

GADONG, 27 Mei. - Kementerian Kewangan dalam usaha memastikan semua peraturan yang berhubung kait dengan kewangan difahami dan dipatuhi telah menganjurkan buat pertama kali sesi taklimat mengenai peraturan kewangan.

Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar menjadi tetamu kehormat di Majlis doa Selamat yang menandakan bermulanya sesi taklimat, anjuran Kementerian Kewangan berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam, Kampong Rimba di sini.

Sesi taklimat tersebut adalah satu langkah proaktif yang diambil secara berterusan oleh Kementerian Kewangan dan

dikhususkan khas kepada pegawai-pegawai kanan kerajaan termasuk ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di dalam pengurusan kewangan dan harta benda kerajaan.

Menurut siaran akhbar Kementerian Kewangan, tujuan utama sesi taklimat itu ialah meningkatkan lagi kefahaman dan pengetahuan ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan pengurusan kewangan. Perkara-perkara yang dibincangkan ialah proses belanjawan, peraturan-peraturan kewangan, peraturan-peraturan (kelakuan dan tatatert-

tib) pegawai-pegawai kerajaan, hal-ehwal pengauditan dan etika kerja cemerlang menurut pandangan Islam.

Taklimat setengah hari itu yang diadakan bulan Mei akan diteruskan sehingga Ogos 2003. Sepanjang taklimat beberapa orang penceramah terdiri dari Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Juruaudit Agung, Pengarah Perkhidmatan Kewangan, Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Pengarah Belanjawan menyampaikan taklimat yang berhubung kait dengan bidang tugas masing-masing termasuk ceramah kewangan menurut Islam disampaikan oleh Haji Noralizam bin Haji Aliakhbar dari Pusat Da'wah Islamiah.



PENGERUSI Komite Nasional ASEAN-COCI Brunei Darussalam, Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Bakry (tiga dari kanan) hadir melancarkan Siri Seminar Penerangan ASEAN. Majlis berlangsung di Hotel Orchid Garden.



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman membentangkan kertas kerjanya yang bertajuk 'Peluang-peluang Perniagaan Dalam ASEAN Bagi SMEs'.



PARA peserta Siri Seminar Penerangan ASEAN bergambar ramai sebagai tanda kenangan sebelum seminar berlangsung.

Balai Bomba RPN Lambak Kanan dan sekitarnya

LAMBK KANAN, 27 Mei. - Kawasan Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan dan sekitarnya termasuk Jalan Muara lama, Sungai Hanching, Lambak Kiri, kawasan Perindustrian Ringan Lambak Kanan dan Kampong Manggis akan mempunyai sebuah Balai Bomba yang terletak berseberangan dengan Masjid Perumahan Negara Lambak Kanan

Oleh
Abd. Karim HAB

pada penghujung bulan Ogos 2004.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof telah

menyempurnakan perletakan batu asas projek berkenaan.

Menurut Pengarah Perkhidmatan Bomba, Awang Haji Zaidi bin Haji Mohd. Daud, projek bernilai \$3.8 juta yang dibina di atas tapak seluas 4.097 hektar adalah antara lima projek pembinaan Balai Bomba yang diluluskan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8.

"Balai Bomba ini dibina semata-mata bertujuan untuk memberi perlindungan kebakaran dan keceemasan yang lain bagi kawasan Perumahan Negara Lambak Kanan dan kawasan persekitaran sepanjang Jalan Muara lama, Sungai Hanching, Lambak Kiri, kawasan Perindustrian Ringan Lambak Kanan, Kampong Manggis, di samping akan dapat memberikan bantuan keceemasan di kawasan Lebuh Raya Muara-Tutong," jelas beliau semasa menyampaikan taklimat mengenai projek berkenaan.

Projek itu yang dikedalikan oleh L.C.Y. Development Sendirian Berhad mengandungi sebuah blok bangunan pentadbiran, sebuah blok bangunan kediaman (dormitory block) anggota-anggota yang bertugas 24 jam, menara latihan dan Rumah Asap, padang kawad serta kemudahan-kemudahan lain termasuk bilik taklimat, bilik kuliah, perpustakaan, kantin dan dewan latihan jasmani (gymnasium).

Menurut Awang Haji Zaidi, pembinaan Balai Bomba itu akan menjadikan jumlah keseluruhan Balai Bomba di negara ini sebanyak 17 buah.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan dan para pegawai kanan menyaksikan pameran mengenai projek berkenaan. - Gambar oleh Halim HS.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan dan para pegawai kanan menyaksikan pameran mengenai projek berkenaan. - Gambar oleh Halim HS.

Umat Islam digalakkan melakukan Sujud Syukur

BANDAR SERI BEGAWAN. - Umat Islam digalakkan melakukan Sujud Syukur sebagai tanda kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wataala sewaktu menyambut ulang tahun hari kelahiran kerana dipanjangkan umur.

Namun perkara tersebut jarang sekali dilakukan oleh umat Islam pada ketika ini, malah ianya sering kali digantikan dengan acara-acara berbentuk hiburan.

Perkara tersebut dinyatakan dalam ceramah sempena Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Kesihatan oleh penceramah, Awang Ahmad Abdusalam di Kompleks Sukan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleh pada 16 Mei lalu.

Tambahnya, ketika ini orang ramai termasuk umat Islam sering menyambut hari kelahiran dengan majlis meniup lilin dan memotong kek, namun pada hakikatnya meniup lilin merupakan salah satu unsur-unsur pengertian

Oleh
Abu Bakar HAR

yang tidak baik bagi umat Islam mengikutnya.

Pengaruh perkara tersebut menurutnya, sengaja dibawa oleh musuh Islam yang bertujuan untuk menghancurkan Islam.

Hadir di majlis berkebadikan itu ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar berserta Setiausaha Tetap,

pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan.

Majlis berakhir dengan Dikir Marhaban yang dipersembahkan oleh pegawai dan kakitangan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong.

Selain mengambil iktibar dari perjalanan hidup Rasulullah, majlis tersebut juga bertujuan untuk meningkatkan dan mengeratkan hubungan antara pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan di keempat-empat daerah.

15 kes curi dilaporkan di Balai Polis Berakas

BERAKAS, 25 Mei. - Ibu Pejabat Polis Daerah Polis Berakas telah berjaya membuat tangkapan tujuh orang lelaki tempatan berumur di antara 16 ke 22 tahun yang terlibat dalam 15 kes curi yang dilaporkan di Balai Polis Berakas sepanjang tahun 2002 dan 2003.

Dua orang yang terlibat merupakan penuntut sekolah dalam tingkatan 2 dan 6, empat orang lagi tidak

Oleh Samle HJ

mempunyai sebarang pekerjaan, sementara seorang sudah bekerja.

Tangkapan itu dilakukan oleh anggota CID Daerah Polis Berakas yang diketuai oleh Pegawai Jenayah Daerah Polis Berakas, ASP Yakub bin Ismail minggu lalu.

Menurut ASP Yakub,

dengan tangkapan itu telah membantu bagi menyelesaikan kes kecurian yang dilaporkan di Sekolah Sayyidina Abu Bakar, Sekolah Rendah Dato Basir, Lambak Kanan, perumahan Lambak Kanan, perumahan Ekspo Galfar, Lambak Kanan dan perumahan Rimba, Gadong.

Kesemua tujuh orang yang ditangkap telah dihadapkan ke Mahkamah Bandar Seri Begawan dengan menghadapi 17 tu-

duhan melakukan curi dan rosak harta benda kerajaan dan persendirian.

Sementara itu, pasukan berkenaan juga berjaya membuat satu tangkapan kes curi dan pecah rumah di kawasan Jalan Pasir Berakas pada 17 Mei lalu.

Para pegawai itu menangkap seorang warga tempatan berusia 35 tahun yang bersangkutan dengan kes curi sebuah kereta yang dilaporkan hilang

pada 13 Mei lalu.

Susulan dari itu, pihak kerajaan telah berjaya mengesan tiga buah kereta yang dilaporkan dicuri Balai Polis Pusat Bandar Seri Begawan dan Balai Polis Sengkurong.

Kejayaan itu juga merolehkan pihak CID Daerah Polis Berakas berjaya menyelesaikan dua kes pecah rumah dan dua yang dilaporkan sebelum ini.



SEORANG nelayan diberi surat amaran setelah didapati tidak mempunyai lesen penangkapan ikan ketika Operasi Kembura 8 dijalankan di kawasan penurunan perahu Pengkalan Sibabu Mentiri. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

Dua nelayan tak lesen diberi amaran

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Mei. - Dua orang nelayan yang tidak mempunyai lesen penangkapan ikan hari ini telah diberi surat amaran agar menda-

patkan lesen berkenaan Jabatan Perikanan.

Kedua-dua nelayan didapati ketika Operasi Kembura 8 melibatkan gerakan bersepadu b



YANG Dimulakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff menyampaikan buku terbitan ABDB yang bertajuk 'Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei 1991 - 2002 Terus Berkembang' kepada seorang bekas Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. - Gambar oleh Ramli Tengah.

ABDB rancang arkib sendiri

Oleh
Abdullah Asgar

BERAKAS, 30 Mei. - Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkata dengan terbitnya buku 'Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei 1991 - 2002 Terus Berkembang', usaha ke arah ABDB memiliki arkib sendiri akan menjadi kenyataan.

Ia katanya, akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pencinta sejarah sebagai bahan rujukan dan rishtaan khususnya bagi generasi yang akan datang.

Yang Dimulakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff berkata demikian di Upacara Pelancaran Buku 'Angkatan Tentera Darat Diraja Bru-

nei 1991 - 2002 Terus Berkembang' pagi tadi di Dewan Pahlawan Berakas Garison sempena sambutan 41 Tahun Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei dan 42 Tahun Penubuhan ABDB.

Oleh yang demikian, kepentingan bagi menyimpan koleksi-koleksi secara teratur, kemas dan bersistematik di setiap unit-unit hendaklah dibudayakan sama ada secara persendirian mahupun kolektif.

"Amalan ini hendaklah disematkan seawalnya khususnya di peringkat pegawai-pegawai muda, mahupun di setiap lapisan anggota," katanya.

Menurutnya, dengan adanya usaha ke arah penerbitan buku seumpama itu akan dapat memberikan peluang, pengalaman dan pendedahan serta keyakinan kepada anggota-anggota khususnya dalam bidang penyelidikan dan penulisan.

"Oleh itu diseru agar usaha bagi mengumpulkan bahan-bahan penulisan secara arkib serta seterusnya dibukukan dan diterbitkan mengikut kandungan-kandungan yang bersesuaian khususnya dari aspek perkembangan dan penglibatan unit-unit ATDDDB dan angkatan tentera yang lain dilaksanakan mengikut kemampuan," katanya.

Katanya, sebagai langkah permulaan misalnya dalam masa yang terdekat

ini mungkin ada manfaatnya jika ATDDDB meneliti bagi melancarkan projek pembukuan yang bersangkut-paut dengan projek 10 tahun Titian Amal kerana mempunyai makna yang mendalam khususnya kepada ATDDDB yang dapat mengimbas kembali usaha serta pendekatan tentera kepada masyarakat melalui projek-projek amal yang telah dimulakan sejak tahun 1997.

Buku 'ATDDDB 1991 - 2002 Terus Berkembang' mengandungi sejarah awal penubuhannya sejak 1961 hingga hari ini.

Bekas Pemerintah-pemerintah ABDB dan bekas pegawai-pegawai kanan yang telah bersara telah menerima sumbangan buku tersebut.

Lebih \$42 juta diperuntukkan bagi pemberian bantuan dan elaun

Oleh
Haji Ahmad HS

BERAKAS, 2 Jun. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan peruntukan tahunan sebanyak \$42,500,000.00 bagi tahun 2003 kepada pemberian bantuan dan elaun kepada mereka yang memerlukan dan berkelayakan.

Daripada jumlah peruntukan itu, \$34 juta bagi pembayaran pencen dan elaun di bawah Akta Pencen Umur Tua dan Tidak Upaya 1954, \$8 juta lagi pembayaran bantuan kebajikan bulanan bagi mereka yang susah dan \$500,000.00 bagi pembayaran bantuan bencana alam.

Pengarah Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Zaliha binti Haji Mohiddin menyatakan perkara itu di Majlis Perasmian Kaunter Berurusan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Menurut beliau, jumlah peruntukan itu dinikmati oleh 14,900 orang penerima pencen umur tua yang berumur 60 tahun ke atas, 600 sehingga 650 orang penerima yang cacat (buta, gila dan tidak berdaya anggota) dan 4,000 hingga ke 4,500 ketua keluarga penerima bantuan bulanan kebajikan.

Di samping itu jelas beliau, pihak kerajaan juga menyediakan perkhidmatan pemulihan dan perlindungan bagi kanak-



PENGARAH Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Zaliha binti Haji Mohiddin sejurus merasmikan Kaunter Berurusan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. - Gambar oleh Masri Osman.

kanak dan remaja melalui penyediaan rumah-rumah kebajikan iaitu dua buah Taman Noor Hidayah sebagai rumah pemulihan dan perlindungan perempuan dan gadis di bawah Akta 1972.

Manakala dua buah rumah Darussakinah bagi tempat keselamatan dan perlindungan kanak-kanak di bawah Perintah Kanak-Kanak 2000 dan sebuah rumah pemulihan bagi remaja lelaki sedang dalam ubahsuai dan dijangka akan beroperasi pada bulan Ogos 2003.

Selain itu tambah beliau, pihak kerajaan juga menyediakan pusat-pusat latihan dan bimbingan bagi kanak-kanak dan orang-orang kurang upaya di seluruh negara. Sebahagian lepasan pusat-pusat itu mendapat pekerjaan di jabatan-jabatan kerajaan dan swasta yang membuk-

tikan bahawa usaha dan keprihatinan pihak kerajaan dalam memeduli semua lapisan masyarakat di negara ini telah menunjukkan kejayaan.

Di samping itu menurut beliau, pihak kerajaan juga menyediakan peruntukan sejumlah \$20 juta melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 bagi membendung gejala-gejala sosial di kalangan remaja.

"Bagi memastikan perancangan kerajaan dalam memeduli hal-ehwal kebajikan dan kesejahteraan orang ramai mendapat kejayaan, sokongan dan kerjasama yang erat di kalangan 'stake holders' adalah sangat mustahak. Jabatan ini berharap agar orang ramai akan sentiasa tampil dalam sama-sama menangani usaha-usaha kerajaan ke arah kesejahteraan dan kebajikan masyarakat di negara ini," ujar beliau.

Kaunter Berurusan JAPEM yang berkonsepkan 'Mesra Pelanggan' dengan motto 'Biskita dan Kami' itu bertujuan memberikan keselesaan dan keyakinan kepada orang ramai yang berurusan dengan JAPEM.

JALAN KEBANGSAAN, 2 Jun. - Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Metussin bin Haji Omar telah menerima kunjungan muhibah Yang Dipertua Majlis Belia Selangor, Dato Haji Abdul Rahman bin Palil di sini.

Yang Dipertua Majlis Belia Selangor mengetuai rombongan seramai 50 orang mengadakan lawatan



PEGAWAI Pemerintah Daerah Polis Jerudong, Penguasa Mohd. Zaini menyampaikan pingat kepada seorang anggota polis yang berkhidmat lebih satu tahun. - Gambar oleh Hamadi HM.

17 terima pingat perkhidmatan polis

LIMAU MANIS, 2 Jun. - Seramai 17 orang anggota Polis Limau Manis dan 15 orang anggota Polis Daerah Jerudong menerima pingat masing-masing dalam Upacara Perbarisan Pegawai Pemerintah Daerah Polis Jerudong dan Penyampaian Pingat Perkhidmatan Polis yang berlangsung di Balai Polis Limau Manis.

Penyampaian pingat tersebut disempurnakan oleh Pegawai Pemerintah Daerah Polis Jerudong, Penguasa Mohd.

Zaini bin Haji Mohd. Sanip bagi anggota-anggota polis yang telah berkhidmat lebih daripada satu tahun.

Acara itu dikendalikan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei iaitu Ibu Pejabat Daerah Polis Jerudong.

Oleh Siti Aishah HS

Belia Selangor kunjungi KKBS

Oleh
Bolhassan HAB

muhibah bagi mengeratkan hubungan persahabatan yang terjalin di antara Majlis Belia Daerah Brunei dan Muara (MBDBM) dan Persatuan Motosikal Brunei Darussalam (PEMODA).

Hadir di Majlis Perjumpaan Muhibah yang

berlangsung di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ialah pegawai-pegawai kanan di kementerian berkenaan serta Ahli-ahli Majlis Belia Brunei (MBB) yang diketuai oleh Pengiran Haji Suhaimi bin Pengiran Wahid selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja sambutan dan lawatan.

Menurut Pengiran Haji Suhaimi, lawatan muhibah Majlis Belia Selangor yang

telah terjalin sejak 1987 itu adalah selaras dengan dasar dan objektif pemimpin-pemimpin negara untuk mewujudkan kerjasama dalam semua bidang demi untuk mencapai kemajuan, keamanan, kesejahteraan dalam suasana yang harmoni.

Antara atur cara lawatan muhibah Majlis Ramah Mesra Bersama MBDBD dan PEMODA serta Belia-belia Kampong Bengkurong.



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani menyampaikan hadiah kepada seorang pelajar cemerlang ITQSHHB bagi tahun 2002.- Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Anggota Polis menderma darah

GADONG, 2 Jun.- Pasukan Polis Diraja Brunei telah mengadakan Kempen Menderma Darah buat kali kedua sebagai salah satu sumbangan kepada masyarakat dan amal jariah sempena sambutan Hari Polis Ke-82 Tahun.

Menurut Penolong Penguasa Polis, ASP Mohd. Sahri bin Haji Ahmad kempen hari ini yang disertai oleh 60 orang rekrut Skwad 1/2003 itu diadakan di Dewan Serbaguna Stadium Hassanal Bolkiah, di sini.

"Untuk makluman, aktiviti secara berperingkat-peringkat juga akan disertai oleh pegawai-pegawai kadet lelaki dan wanita yang berjumlah keseluruhannya seramai lebih 80 orang," ujar ASP Mohd. Sahri.


Sementara itu Inspektor Pengiran Shaiful Rezal Malek Faesal bin Pengiran Haji Marali selaku Timbalan Setiausaha Kempen Menderma Darah menjelaskan bahawa kempen tersebut diadakan secara tiga fasa.

Oleh Bolhassan HAB

Katanya, "Fasa pertama telah diadakan pada bulan Januari yang lalu dan ini yang kedua dan seterusnya, insya-Allah pada bulan Oktober yang meliputi keseluruhan Balai-balai Polis Daerah berjumlah lebih kurang 300 orang pegawai dan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei."

Inspektor Pengiran Shaiful Reza Malek Faesal seterusnya menambah Pasukan Polis Diraja Brunei telah mengambil inisiatif mengadakan kempen tersebut bagi mengisi Tabung Darah Kementerian Kesihatan.

Salah seorang rekrut Skwad 1/2003 Awang Maskadiman bin Mohd. Zaini ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI berpendapat, "Walaupun ini adalah kali pertama saya menderma darah namun saya merasa bangga kerana dapat memberi sumbangan kepada masyarakat."



KEMPEN Menderma Darah Sempena Sambutan Hari Polis Ke-82 Tahun. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

ARENA SUKAN

SKUAD NEGARA BENAM KUALA LUMPUR 3 - 1

Oleh Hj. Ahat HI

BERAKAS, 4 Mei. - Selepas menundukkan TNB Kelantan 3 - 0, Skuad Negara terus memamerkan aksi penyerlah dengan mengatasi Kuala Lumpur 3 - 1 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Nyata sekali kejayaan-kejayaan itu dilihat akan dapat terus membangkitkan semangat Skuad Negara beraksi lebih cemerlang ke arah misi menghampiri kelompok empat teratas Liga Perdana Dua Malaysia musim ini untuk merebut tempat bagi Super Liga musim depan.

Bagaimanapun, impian itu perlu dilupakan sementara kerana masih terdapat lagi perlawanan akan diharungi dan kesemua perlawanan itu perlu memihak kepada Skuad Negara.

Berbalik kepada pertemuan dengan Kuala Lumpur minggu lalu pada keseluruhannya perlawanan Skuad Negara memperlihatkan peningkatan memberang-



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat menyaksikan Perlawanan Liga Perdana Malaysia Dua antara Brunei Darussalam dengan Kuala Lumpur yang berkesudahan Brunei menang 3 - 1. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

sangkan terutama di separuh masa kedua dengan semua pemain memainkan peranan berkesan.

Selepas ketinggalan 1 - 0 hasil kesilapan dari pemain pertahanan Mark William, di separuh masa pertama, Mohd. Brian

Iman membuka inspirasi jaringan kepada rakannya Ak. Mohd. Shahrom untuk jaringan penyamaan 1 - 1.

Selepas itu Mohd. Brian Iman pula memanfaatkan kesempatan terbuka menjaringkan gol kedua selepas bola hantaran

Irwani Mohamad tepat kepadanya, meskipun cuba dihalang pemain pertahanan Kuala Lumpur, Faizal Mohd.

Pada jaringan ketiga pula pemain gantian Julraimi Haji Zaini pula berjaya memperdayakan

penjaga gol Razi Effendi apabila percubaan jarak jauhnya tepat masuk ke pintu gol Kuala Lumpur.

Pada pertemuan itu beberapa percubaan depan pintu gol telah dilakukan oleh Skuad Negara terutama percubaan-percubaan melalui Ak. Mohd. Shahrom, Fadlin Gelawat dan Haji Mohd. Subhi, kesemuanya tersasar keluar dan terkena palang tiang gol.

Dalam pada itu, gerakan-gerakan pantas Fadlin Gelawat dari tepi ke tengah banyak membuka ruang kepada penyerang Haji Mohd. Subhi, Afendi Tuah dan Mohd. Brian untuk menguji pertahanan Kuala Lumpur, namun mereka gagal membolosi.

Apa pun kejayaan ini banyak memperlihatkan

peningkatan terutama segi jumlah jaringan dan penguasaan permainan, berbanding dengan pencapaian permainan pada pusingan pertama dulu.

Jika pencapaian ini dapat terus dikekalkan, matlamat ke kelompok empat pasukan terbaik bahagian dua musim ini akan dapat dicapai.



MENGASAK ... Mark William Tomas dan Pg. Sallehuddin (jersi cerah) mengasak pertahanan Kuala Lumpur dalam satu pergelutan depan pintu gol. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Jepun sumbang piala

Oleh Aliddin HM

GADONG, 21 Mei. - Kejohanan Bola Sepak 18 Tahun Ke Bawah bagi merebut piala sumbangan Kedutaan Besar Jepun bagi sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab seluruh negara diadakan di negara ini.

Kejohanan anjuran Kementerian Pendidikan dan Kedutaan Besar Jepun di negara ini merupakan sebahagian daripada Program Pertukaran ASEAN-Jepun 2003.

Sebanyak 22 buah pasukan yang mewakili sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab seluruh negara mengambil bahagian dalam kejohanan itu yang telah berlangsung sejak bulan Mac lalu.

Ke arah itu Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman bagi



DUTA Besar Jepun, Tuan Yang Terutama Hara Satoshi dan Pengarah Kokurikulum, Awang Haji Damit Ibrahim menandatangani perjanjian persefahaman bagi Kejohanan Bola Sepak 18 Tahun Ke Bawah. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.

piala sumbangan Duta Besar Jepun berlangsung di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah di sini.

Menandatangani bagi pihak Kementerian Pendidikan ialah Pengarah Kokurikulum, Awang Haji Damit bin Ibrahim, sementara Duta Besar Jepun pula diwakili oleh Tuan Yang Terutama Hara Satoshi dengan disaksikan oleh tetamu kehormat di majlis itu, Pegawai Tugas-Tugas Khas di Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim.

Hanya lapan buah pasukan sahaja yang akan dipilih memasuki peringkat

suku akhir dan akan menjalani undian pada 29 Mei dan setiap pasukan dibahagikan kepada empat zon iaitu setiap zon akan dipilih dua pasukan pemenang.

Pada 29 Mei itu juga diadakan perlawanan pembukaannya di Padang Jabatan Belia dan Sukan, Berakas begitu juga dengan perlawanan akhirnya yang dijadualkan berlangsung pada 9 Jun di tempat yang sama.

Sementara perlawanan yang lainnya akan diadakan di Kompleks Sukan Sungai Asam di Sungai Kebu di sini.

AH Utd., Kasuka F.C. dan Wijaya F.C.

belum terima kekalahan

Oleh Hj. Ahat HI

SELEPAS masing-masing melalui empat perlawanan, hanya tiga pasukan yang terdiri AH United, Kasuka F.C. dan Wijaya F.C. yang masih mengekalkan kedudukan tanpa kalah dalam persaingan Liga Bola Sepak Kebangsaan 2003, B-League.

AH United dalam Kumpulan 'A' mencatatkan keseluruhan 12, manakala mengikuti di belakang dengan 9 ialah juara bertahan DPMM F.C. serta Sabina F.C. dan Jerudong F.C.; Sengkang F.C. dan Bandaran K.B. masing-masing memenangi dua perlawanan dan Kota Ranger memenangi satu perlawanan.

Mula F.C. bersama pasukan dari Daerah Temburong Lun Bawang dan IBM Bokok belum memenangi sebarang perlawanan.

Dalam Kumpulan 'B' pula Kasuka F.C. dan Wijaya F.C. juga masing-masing mencatatkan 12 mata, dengan diikuti QAF F.C. dan Indera F.C. dengan catatan 9 mata. ABDB mencatatkan 6 mata.

Sementara itu Mengellela F.C., Kamudi F.C. dan Kilanas masing-

masing baru memenangi satu perlawanan. PESAKA dan Persatuan AKSE pula belum memenangi sebarang perlawanan.

Dua pemain import yang turut sama beraksi di liga ini iaitu Patron Akakpo yang satu ketika dulu mewakili skuad negara di Liga Perdana Malaysia dan Ajayi Oluseye sudah mula mengukir nama mereka sebagai penjaring terbanyak liga ketika ini.

Patron Akakpo, mewakili Sabina F.C. dan Ajayi Oluseye mewakili DPMM F.C. masing-masing mencatatkan lapan gol. Mengikuti selepas itu pemain Kasuka F.C. Shahjohan Haji Sahari dengan lima jaringan dan pemain Bandaran K.B., Affendi Haji Julaihi, empat jaringan.

RTB siar Liga B

Oleh Samle HJ

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Jun. - Radio Televisyen Brunei, Syarikat B-League Sendirian Berhad dan NBT Sendirian Berhad mengadakan Perjanjian Tajaan bagi penyiaran rangkaian Liga Kebangsaan (B-League) 2003 di Studio A, RTB, hari ini.

RTB selaku hos penyiaran kejohanan tersebut berharap akan memberi sokongan sekali gus memeriahkan lagi kejohanan itu kepada orang ramai menerusi saluran tv dan radio.

Sejak 16 Mei lalu, Televisyen Brunei telah menayangkan perlawanan pilihan setiap hari Jumaat, sementara hari Sabtu pula para penonton akan menyaksikan perlawanan kemuncak sambil berpusing untuk menyaksikan setiap siaran.

Sementara itu, Rangkaian Harmoni juga membuat liputan menyeluruh di venue setiap perlawanan berlangsung.

Pengarah RTB, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail melahirkan rasa bangga di atas kepercayaan RTB dalam memberi sokongan padu kepada pihak pengeluar di samping berhasrat mahu melihat kejohanan ulung bola sepak kebangsaan itu bakal memberi hasil yang cemerlang.

"RTB tidak melepaskan peluang menjadi rakan kongsi bagi penerbitan ini dan diharap juga boleh membantu bagi mencari pemain-pemain muda untuk diangkat kepada pemain kebangsaan, jelasnya.

Katanya, RTB juga ingin mengongsi sejarah kejohanan.



hanan kebangsaan yang semakin mendapat perhatian orang ramai melalui siaran televisyen.

Di majlis itu, RTB telah diwakili oleh Pengiran Dato Paduka Haji Ismail, sementara Pengarah Urusan NBT, Ninan Chako, menandatangani bagi pihak NBT dan Syarikat B-League diwakili oleh pengarahnya, Sheikh Noordin.

Awang Ninan Chako juga menyampaikan cek tajaan bagi penyiaran kepada Pengarah RTB yang kemudiannya disampaikan kepada Pengurus Perlawanan RTB, Awang Haji Halim bin Haji Hashim.

Ketua Seksyen Sukan Ty, Awang Mohd. Taha Haji Metair dan Ketua Rangkaian Harmoni, Awang Haji Ali Haji Aji masing-masing menerima hadiah tajaan bagi kuiz B-League yang diserahkan oleh Sheikh Noordin.

Kejohanan Liga Kebangsaan yang memasuki edisi kedua itu telah disertai oleh 20 pasukan dan kini sudah melangkah ke minggu keempat kejohanan.

Futsal bantu rakyat Iraq

JABATAN Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama syarikat swasta dan Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BAFA) akan menganjurkan Kejohanan Bola Sepak Futsal Amal 2003 secara tajaan.

Dalam Sidang Media bersama Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohammad yang juga selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Kejohanan tersebut menjelaskan setiap pasukan yang berhajat menyertainya hendak membayar sumbangan \$300.00 sebagai

Oleh Abdullah Asgar

bayaran masuk.

Katanya, kejohanan tersebut adalah untuk sumbangan kepada Tabung Bantuan Kemanusiaan Rakyat Iraq dan kejohanan dibahagikan kepada pemain 40 tahun ke atas dan terbuka.

"Setiap penyertaan hanya dibenarkan menghantar dua pasukan saja dengan mengisi borang penyertaan yang boleh diperolehi dari JBS, Tingkat 6, Bangunan KKBS Jalan Kebangsaan atau melalui cawangan JBS di semua daerah bermula hari

ini sehingga 14 Jun ini," katanya.

Tambahnya, kejohanan itu dibukakan kepada semua kementerian, jabatan kerajaan, syarikat swasta, persatuan dan kelab-kelab belia dan sukan di seluruh negara.

Sepak mula akan diadakan pada 21 Jun dan dijangka akan berakhir pada 6 Julai depan tertakluk pada ramai penyertaan.

"Jadual-jadual venue perlawanan bagi kejohanan tersebut ialah di Stadium Tertutup dan Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas," tambahanya.



PENGARAH Syarikat B-League Sendirian Berhad, Sheikh Noordin bertukar dokumen bersama Pengarah Urusan NBT, Ninan Chako semasa penandatanganan tajaan penyiaran Liga Kebangsaan 2003. - Gambar oleh Masri Osman.

Tinjau kemudahan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei

BERAKAS, 5 Jun - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini meneruskan keberangkatan lawatan bagi meninjau kemudahan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) di Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Sebaik tiba, baginda berangkat ke Bahagian Jabatan Kastam dan Eksais Diraja bagi melihat kemudahan dan prosedur kerja bahagian itu.

Kemudian baginda beredar menyaksikan kemudahan pengendalian dan pemeriksaan kargo eksport melalui mesin X-ray oleh Pasukan Polis Diraja Brunei.

Setelah itu baginda berangkat ke Pusat Kargo Udara Antarabangsa Brunei (BIACC), sebuah syarikat usaha sama antara RBA, Circle Freight International (CFI) dan Royal Brunei Technical Services (RBTSS) yang ditubuhkan pada bulan Januari 2001 dengan ratio 51:30:19 sekali gus menjadikan BIACC Sdn. Bhd. disenaraikan sebagai anak syarikat RBA.

Semasa berada di pusat itu, baginda disambangkan penerangan oleh Pengarah Urusan BIACC, Awang Ariffin bin Haji Emran sambil beramah mesra bersama para pegawai dan kakitangan syarikat itu. Baginda juga berkenan menghadiri taklimat tertutup bersama pihak pengurusan BIACC.

BIACC merupakan pengendali kargo utama di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dengan menyediakan perkhidmatan pemungahan dan pengedaran kepada syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa kini mempunyai 41 orang pegawai dan kakitangan.

Baginda seterusnya berangkat menyaksikan keupayaan mesin X-ray Jabatan Kastam

Oleh
Abd. Karim HAB

dan Eksais Diraja dalam mengenal pasti dan mengesan kargo yang diimpot ke negara ini dan kemudahan di gudang kargo BIACC.

Kelab Rekreasi Diraja Brunei yang terletak berhampiran juga menjadi destinasi keberangkatan lawatan baginda. Semasa di kompleks itu, baginda melihat lebih dekat pelbagai kemudahan yang disediakan bagi kira-kira 2,000 orang pegawai dan kakitangan RBA termasuk kolam renang, padang bola sepak, gelanggang badminton dan bola jaring dan dan sebuah dewan serbaguna, di samping sebuah 'The Pool-side Restaurant' dan sebuah restoran ala Mexico, 'Amigos'.

Kompleks sukan itu yang dikendalikan oleh 13 kakitangan pernah menjadi antara gelanggang utama sukan di peringkat serantau dan antarabangsa seperti Sukan SEA dan Grand Prix Badminton Dunia.

Setelah itu, baginda meneruskan lawatan ke Pusat RBA di Jalan Terunjing Lama yang menempatkan Jabatan Operasi Penerbangan; Jabatan Perhubungan Awam; Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan Kaki-tangan; Jabatan Perkhidmatan perkhidmatan Pelanggan, Bahagian Perkembangan Produk dan simulator pesawat B767-300ER/B757-200ER yang terletak di Bangunan Simulator.

Jabatan Operasi Penerbangan antara lain berfungsi menentukan dan mengawasi jadual dan prosedur penerbangan, jadual giliran bertugas juruterbang dan kakitangan kabin.

Manakala Jabatan Perhubungan Awam pula di samping tugas-tugas perhubungan awam juga mengandungi Unit Penerbitan yang mengendalikan penerbitan majalah Muhibbah, 'inflight magazine' RBA.

Sementara Jabatan Per-

khidmatan-perkhidmatan Kaki-tangan dan Pentadbiran pula berperanan mengurus pengambilan pegawai dan kakitangan, latihan dan hal-hwal pentadbiran.

Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Pelanggan pula mengandungi bahagian-bahagian kakitangan kabin, prosedur keselamatan dan kecemasan, perkhidmatan semasa penerbangan, kontrak dan prosedur-prosedur, minuman dan makanan, operasi, perancangan material, hiburan semasa penerbangan, kos dan kontrak dan perkembangan perkhidmatan.

Manakala Bahagian Perkembangan Produk pula berfungsi memasarkan pakej-pakej 'The Golden Touch' dan lawatan-lawatan setempat.

Semasa lawatan itu, baginda mengunjungi jabatan-jabatan dan bahagian berkenaan dengan memberi tumpuan kepada perkembangannya khususnya dari segi prosedur kerja, perkembangan, persekitaran dan pencapaian para pegawai dan kakitangan masing-masing. Di samping beramah mesra sebagaimana lazimnya, baginda juga mengurniakan teguran dan saranan terhadap aspek-aspek yang memerlukan pembaikan dan peningkatan, di samping mengambil maklum terhadap aspek-aspek yang masih dalam perancangan.

Pemangku Menteri Perhubungan yang juga Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain; Pengerusi RBA yang juga Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid juga hadir semasa keberangkatan lawatan itu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menyaksikan kemudahan gudang kargo Pusat Kargo Udara Antarabangsa Brunei (BIACC). - Gambar oleh Masri Osman.

Dari muka 1

Penjelasan Yang Berhormat itu terkandung dalam siaran akhbar yang dikeluarkan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Mesyuarat dua hari itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Dr. Thaksin Shinawatra. Manakala Menteri Perdagangan Thailand, Tuan Yang Terutama Adisai Bodharamik mempengerusikan mesyuarat tersebut.

Tema mesyuarat APEC MRT 2003 ialah 'Dunia Yang Berbeza: Berusaha untuk Masa Depan' - (A World of Differences: Partnership For The Future), yang antara lain membincangkan mengenai beberapa isu penting khususnya susulan dari keputusan Sidang Kemuncak Ketua-ketua Ekonomi APEC pada tahun lepas dengan menumpukan perhatian terhadap persediaan Persidangan Menteri-menteri WTO yang akan diadakan di Cancun, Mexico pada bulan September tahun ini.

Dalam hubungan ini, mesyuarat juga bersepakat bagi

APEC mengambil usaha-usaha yang bersesuaian dan bekerjasama dengan pertumbuhan antarabangsa yang relevan. Mesyuarat mengambil maklum bahawa Thailand akan mengadakan Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan APEC sebagai salah satu langkah melaksanakan pelan tindakan tersebut.

Di sesi perbincangan yang berasingan, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa mesyuarat telah berkesempatan mengadakan dialog bersama perwakilan Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC).

Dalam dialog tersebut mesyuarat telah menerima penjelasan status laporan yang akan diadapakan oleh ABAC pada tahun ini kepada Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Ketua-ketua Ekonomi APEC di Bangkok pada bulan November tahun ini.

Antara lainnya laporan tersebut mengandungi keutamaan perkembangan pelaksanaan perundingan Agenda Pembangunan Doha, melaksana inisiatif APEC melalui program peningkatan keupayaan dan mengukuhkan keyakinan perniagaan dalam menghadapi krisis SARS.

Persidangan Belia Kebangsaan

PERSIDANGAN Belia Kebangsaan bertema 'Mewujudkan Belia dan Brunei Cemerlang' anjuran bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan, Majlis Belia Brunei dan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam akan diadakan pada 23-26 Jun 2003 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Tujuan persidangan itu ialah Memberigakan Dasar Belia Negara; mendapatkan dapatan-dapatan berupa kertas-kertas dan pandangan-pandangan dari beberapa perspektif untuk menjadi bahan rujukan dan tindakan susulan; dan mengimbau para pemimpin belia untuk bergerak aktif menggerakkan Dasar Belia Negara.

Persidangan ini dibukakan kepada pegawai-pegawai kerajaan yang berkaitan dengan belia, para pemimpin persatuan/pertubuhan lama dan baru; para pemimpin pelapis belia, para belia di seluruh negara, para pelajar pusat pengajian tinggi, ketua-ketua penuntut dari sekolah-sekolah menengah/maktab dan pihak swasta.

Berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha hari ini berkenan menerima mengadap isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam dan isteri Duta Besar dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam.

Baginda mula-mula berkenan menerima mengadap Puan Sri Zahrah Seruji, isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke negara ini dan Puan Praptiningsih Yusbar, isteri Duta Besar dan Mutlak Republik Indonesia ke negara ini.

Di majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman kedua-dua isteri diplomat asing itu diiringi oleh Yang Dimuliakan Seri Laila Peng-

iring Diraja Datin Laila Utama Hajah Dayang Rosnah.

Oleh
Bolhassan HAB



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ketika berkenan menerima mengadap Isteri Duta Besar dan Mutlak Republik Indonesia ke negara ini, Puan Praptiningsih Yusbar (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan menerima mengadap isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke negara ini, Puan Sri Zahrah Seruji. - Gambar oleh Halim HS dan Hamadi HM.



منفعتك انتريد انتوق كما جوان دان قمبراغونن نكارا MANFAATKAN INTERNET UNTUK KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA

دتریتکن اوله جباتن فرائغن، جباتن فردان منتري دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

TINJAU JABATAN KERAJAAN DAERAH BELAIT

KUALA BELAIT, 24 Mei. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria telah mengadakan lawatan ke jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan di Daerah Belait bagi memastikan pentadbiran jabatan-jabatan berkenaan berjalan lancar.

Yang Berhormat mula-mula mengadakan lawatan ke Jabatan Pelabuhan yang terletak di Jalan Sungai. Jabatan berkenaan ditubuhkan pada tahun 1979 dibina di atas tanah seluas lebih tiga hektar dengan kos \$41,000.00. Dari sana Yang Berhormat melawat ke Jabatan Laut yang berfungsi bagi meningkatkan keselamatan laut dan persekitarannya.

Seterusnya Yang Berhormat melawat ke Jabatan Pos. Jabatan tersebut ditubuhkan bagi memberikan perkhidmatan pos yang terkini dengan pembayaran yang berpatutan. Selain itu pejabat berkenaan juga menawarkan kemudahan urusan niaga dan urusan penghantaran surat yang selamat, cepat dan berkesan ke 58 buah negara seluruh dunia.

Yang Berhormat juga melawat ke Jabatan Telekom. Ketika ini jabatan itu mempunyai empat pusat perniagaan di seluruh Daerah Belait iaitu Kuala Belait,

Seria, Lumut dan Labi. Dari sana Yang Berhormat melawat ke Pejabat Perkhidmatan Kajuca iaitu sebuah seksyen di bawah Jabatan Penerbangan Awam. Objektif jabatan berkenaan bagi memenuhi keperluan maklumat kaji cuaca, pemahaman dan perkhidmatan kaji cuaca.

Rombongan Yang Berhormat seterusnya singgah ke Jabatan Pengangkutan Darat. Pejabat itu menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada orang ramai antaranya pendaftaran dan perlesenan serta pemeriksaan kenderaan dan pembaharuan cukai jalan.

Destinasi terakhir lawatan Yang Berhormat pada hari itu ke Sungai Tujuh di Kuala Belait dan seterusnya ke Daerah Tutong. Sebelum ini Yang Berhormat telah mengadakan lawatan serupa ke Daerah Temburong pada awal tahun ini bagi mengetahui secara lebih dekat lagi mengenai perkembangan yang dijalankan oleh jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan serta mendengar taklimat mengenai masalah yang dihadapi oleh jabatan-jabatan yang dilawati serta projek yang dikendalikan oleh jabatan-jabatan berkenaan terutama projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8.

Berita dan
gambar-gambar
oleh
Dayangku Hajah
Saidah PHOA



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria menyaksikan pelan bangunan baru Jabatan Pelabuhan yang akan dibina tidak berapa lama lagi.



YANG Berhormat berserta rombongan mendengar taklimat mengenai perkembangan Jabatan Laut Daerah Belait.



YANG Berhormat menanyakan sesuatu kepada seorang kakitangan Pejabat Pos Kuala Belait semasa melawat ke pejabat berkenaan.



MENTERI Perhubungan menyaksikan pameran mengenai projek RKN Ke-8 Pejabat Perkhidmatan Kajuca Kuala Belait iaitu Sistem Penerimaan Maklumat Kajuca Automatik (AMEDAS) dan Projek Pemantauan Kilat (SLAMAT).

UMAT ISLAM PERLU MEMELIHARA DIRI DAN AQIDAH KEPERCAYAAN

MARILAH kita memperbanyakkan amal saleh dan kebajikan bagi meningkatkan iman dan takwa yang akan menjadi bekalan hidup di akhirat nanti.


Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Luqman ayat 13 yang tafsirnya:

"Dan ingatlah ketika Luqman memberi nasihat kepada anaknya: Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar."

Allah Subhanahu Wataala Maha Pengampun dan sentiasa mengampunkan dosa-dosa hamba-hamba-Nya yang memohon keampunan kecuali dosa menyekutukan Allah Subhanahu Wataala. Ini ditegaskan di dalam Kitab Suci Al-Quran Surah An-Nisaa' ayat 48 yang tafsirnya:

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa jua, dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi siapa yang dikehendaki-Nya menurut aturan syariat-Nya. Dan siapa yang mempersekutukan Allah dengan suatu yang lain maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar."

Selain daripada dosa-



dosa orang yang berlaku syirik itu tidak diampuni oleh Allah Subhanahu Wataala. Allah Subhanahu Wataala juga mengharamkan ke atasnya Syurga.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Ma'idah ayat 72 yang tafsirnya:

"Sesungguhnya orang yang mempersekutukan sesuatu dengan Allah, maka pasti Allah mengharamkan kepadanya Syurga dan tempatnya ialah Neraka. Dan tiadalah seorang penolong pun

bagi orang yang berlaku zalim."

Syirik bermaksud menyekutukan Allah Subhanahu Wataala, kerana Allah Subhanahu Wataala itu bersifat Maha Esa (Tunggal) tiada sekutu bagi-Nya. Tiada sesuatu yang menyamai atau merupai Allah Subhanahu Wataala bahkan jauh sekali untuk menandingi kuasa Allah Subhanahu Wataala. Oleh itu umat Islam hen-

daklah memelihara dirinya dan akidah kepercayaannya serta menghindarkan diri daripada melakukan perkara-perkara menyekutukan Allah Subhanahu Wataala seperti menyepai dengan makhluk atau sesuatu yang lain.

Dalam masyarakat kita hari ini, sungguhpun ajaran agama Islam sudah tersebar luas dan telah dianuti sekalian lama, namun masih terdapat sebilangan

kecil umat Islam yang mengamalkan perbuatan-perbuatan karut yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti pemujaan terhadap benda-benda atau makhluk lain yang ternyata tiada mempunyai kuasa sedikit pun dan berdoa meminta pertolongan melalui kubur, keris, cincin, batu, kayu atau pungsu dan percaya kepada benda-benda tersebut mempunyai 'keramat' atau kuasa yang boleh membawa tuah, menambah rezeki dan lain-lain.

Ingatlah bahawa setiap permohonan dan permintaan bagi sesuatu perkara itu, hanyalah kepada Allah Subhanahu Wataala sahaja, jika dilakukan kepada benda-benda lain bukan kepada Allah Subhanahu Wataala bererti meletakkan Allah Subhanahu Wataala sejajar dengan makhluk ciptaan-Nya. Maka dengan perbuatan sedemikian berlakulah syirik.

Kita umat Islam hanya dituntut supaya bermohon kepada Allah Subhanahu Wataala, ini jelas sebagaimana hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Ibnu Abas Radiallahuanhu yang maksudnya:

"Apabila engkau meminta, maka mintalah kepada Allah, dan apabila engkau memohon pertol-

ongan maka pohonlah pertolongan itu kepada Allah." (Riwayat Al-Imam At-Tarmizi).

Meminta atau memohon kepada Allah Subhanahu Wataala merupakan doa dan doa itu suatu ibadat. Ibadat hanya dilakukan kepada Allah Subhanahu Wataala, bukan kepada yang lain yang terdiri daripada makhluk-makhluk Allah Subhanahu Wataala, apatah lagi kepada benda-benda yang tidak bernyawa seperti batu, kayu, kubur, pungsu, cincin, keris dan lain-lain yang tidak mendatangkan kesan.

Maka adalah menjadi kewajiban kepada setiap umat Islam supaya sentiasa berhati-hati terhadap perkara-perkara yang boleh membawa kepada syirik, lebih-lebih lagi

untuk mendapat keuntungan harta atau kemewahan dunia berbanding dengan akibat yang akan ditanggung berpunca daripada menyekutukan Allah Subhanahu Wataala kemudian hari.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Yunus ayat 106 yang tafsirnya:

"Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyembah atau memuja yang lain dari Allah yang tidak dapat mendatangkan manfaat kepadamu dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepadamu. Oleh itu sekiranya engkau mengerjakan yang demikian, maka pada saat ini menjadilah engkau dari orang-orang yang berlaku zalim terhadap diri sendiri dengan perbuatan syirik."

INGATLAH bahawa setiap permohonan dan permintaan bagi sesuatu perkara itu, hanyalah kepada Allah Subhanahu Wataala sahaja, jika dilakukan kepada benda-benda lain bukan kepada Allah Subhanahu Wataala bererti meletakkan Allah Subhanahu Wataala sejajar dengan makhluk ciptaan-Nya. Maka dengan perbuatan sedemikian berlakulah syirik.


وقت سمبھيخ، امساك، شوروق دان ضحي

وقت 2 سمبھيخ، امساك، شوروق دان ضحي باكي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رايو، 11 ربيع الآخر، 1424 برسمان دغن 11 جون، 2003 هيفك كهاري ثلاث، 17 ربيع الآخر، 1424 برسمان دغن 17 جون، 2003 اداله سفرت دباوه اين-ا.

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحي	مسيحي
ربيع الآخر									جون
11	12.21	3.47	6.32	7.48	4.33	4.43	6.07	6.32	11
12	12.21	3.47	6.32	7.48	4.33	4.43	6.07	6.32	12
13	12.21	3.47	6.32	7.48	4.33	4.43	6.07	6.32	13
14	12.21	3.47	6.32	7.48	4.33	4.43	6.07	6.32	14
15	12.22	3.48	6.33	7.49	4.34	4.44	6.07	6.33	15
16	12.22	3.48	6.33	7.49	4.34	4.44	6.08	6.33	16
17	12.22	3.48	6.33	7.49	4.34	4.44	6.08	6.33	17

وقت 2 سمبھيخ باكي دائره تونوغ دمه سائو مينيت دان دائره بلايت دمه نيگ مينيت، سمبھيخ فرض جمعة دسلوروه نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تفهاري.

MEMINTA atau memohon kepada Allah Subhanahu Wataala merupakan doa dan doa itu suatu ibadat. Ibadat hanya dilakukan kepada Allah Subhanahu Wataala, bukan kepada yang lain yang terdiri daripada makhluk-makhluk Allah Subhanahu Wataala, apatah lagi kepada benda-benda yang tidak bernyawa seperti batu, kayu, kubur, pungsu, cincin, keris dan lain-lain yang tidak mendatangkan kesan.



Bismillah,
Walhamdulillah
Wassallatu Wassalamu
'Ala Rasulillah, Wa'-
alaa Aalihie Wasah-
bihie Waman Walah.

HUKUM TAAT KEPADA IBU BAPA YANG BUKAN ISLAM

SEBAGAIMANA yang dijelaskan bahawa berbuat baik kepada ibu bapa itu merupakan fardu 'ain.

Maknanya, wajib setiap orang berbuat ihsan kepada mereka. Dan kewajiban ini tidak tertentu kepada ibu bapa yang beragama Islam sahaja. Malahan bagi sesiapa yang ibu atau bapanya, atau kedua-duanya bukan beragama Islam juga diwajibkan taat dan berbuat baik kepada mereka, selama mana mereka tidak menyuruh anaknya untuk berlaku syirik (menyekutukan Allah) atau melakukan maksiat yakni perkara-perkara yang bertentangan dengan perintah Allah dan larangan-Nya.

Perkara ini jelas sebagaimana firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil." (Surah Al-Mumtahanah, ayat 8).

Selain itu hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam juga menjelaskan mengenai perkara ini sebagaimana yang diriwayatkan daripada Asma' binti Abu Bakar Radiahuanhuma, beliau menceritakan yang maksudnya:

"Pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ibuku yang masih musyrik suatu hari datang mengunjungiku. Lalu aku meminta fatwa kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, aku berkata: "(Ibuku datang) dalam keadaan seperti ini, apakah aku masih perlu meneruskan hubungan dengan ibu bapa yang bukan Islam sungguhpun anak dan ibu bapa berlainan agama."

Oleh itu, apabila berbicara dengan mereka, si anak hendaklah berbicara dengan lemah lembut, penuh sopan santun dan menunjukkan rasa mahabbah. Apabila memanggil mereka, panggilah dengan perkataan yang menyedapkan hati mereka.

Maka berdasarkan dalil-dalil ini, anak perlu meneruskan hubungan yang baik dengan ibu bapa yang bukan Islam sungguhpun anak dan ibu bapa berlainan agama.

DERHAKA KEPADA IBU BAPA MENEMPA KEMURKAAN ALLAH

Berilah mereka petunjuk pada perkara-perkara yang mendatangkan kebaikan.

DOSA ORANG YANG DERHAKA KEPADA KEDUA IBU BAPA

Jika berbuat ihsan kepada kedua ibu bapa itu merupakan tuntutan fardu 'ain maka perbuatan mengabaikan tuntutan itu pula termasuk di antara dosa besar. Terdapat beberapa jumlah dalil syarak yang menegaskan mengenai dengan jelas dan nyata. Di antaranya sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abdullah bin 'Amr, beliau berkata yang maksudnya:

"Seorang berbangsa Arab datang kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Beliau lalu berkata: "Wahai Rasulullah apakah dia dosa besar?" Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab: "Mensyirkkan



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: www.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Bilangan 159 Bahagian Ketiga

Allah." Dia (orang Arab itu) berkata lagi: "Kemudian apa?" Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab: "Kemudian menderhaka kepada kedua ibu bapa ..." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Di dalam riwayat yang lain dijelaskan bahawa orang yang menderhaka kepada kedua ibu bapa itu tidak akan masuk Syurga, sebagaimana yang diriwayatkan daripada Abdullah bin 'Amr Radiallahuanhu, daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda bersabda yang maksudnya:

"Tidak masuk Syurga orang suka mengingkari ungkit pemberiannya."

orang yang derhaka kepada kedua ibu bapanya dan orang yang gemar minum minuman keras." (Hadis riwayat Imam Ahmad).

Di dalam riwayat yang lain lagi dinyatakan bahawa orang yang derhaka kepada kedua ibu bapanya tidak akan mendapat perlindungan pada Hari Kiamat. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Tiga golongan yang tidak dipandang oleh Allah Azawajalla pada Hari Kiamat: Orang yang derhaka kepada kedua ibu bapanya, perempuan yang menyempai seperti laki-laki dan orang yang dayus..." (Hadis riwayat An-Nasa'ie).

Perilaku Bahasa Wanita: Antara Kesantunan dan Harga Diri

Dari muka 2

Wanita dari golongan ini dikatakan lebih berhati-hati dalam memilih kosa kata dan ragam bahasa terutama dalam situasi formal seperti dalam sesi temu boai di tv, menyampaikan ceramah, ucapan dan sebagainya.

Kewaspadaan wanita dalam berbahasa akan menampilkan mereka sebagai orang yang bersopan santun serta tertib dalam melahirkan kata-kata. Dalam hubungan ini, amat sukar kita menemui atau mendengar penderaan, penceraian atau pembentangan wanita mengeluarkan bahasa yang kurang sopan (taboo) sewaktu dalam khalayak.

Mereka tidak akan menyebut perkara yang tidak sopan (taboo) sebaliknya mereka akan menggunakan bahasa eufemisme (perkataan yang lebih sopan sifatnya) atau circumlocution (penerangan yang berbelit-belit) seperti yang dikatakan oleh Hornby (1973), "... the act or thing which religion or custom regards as forbidden, not to be touch, spoken of, etc."

Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, ada kalanya mereka terpaksa mengucapkannya, terutama perkara yang berkaitan dengan agama yang betul-betul memerlukan penjelasan. Misalnya, mereka akan menggunakan ungkapan 'perhubungan jenis' atau 'jimak' bagi menggantikan perkataan 'bersetubuh' dan ungkapan 'alat kelamin' bagi merujuk kemaluan lelaki atau perempuan.

Langkah berhati-hati ini mungkin disebabkan mereka menyedari bahawa jika berlaku penyimpangan dari kesantunan berbahasa mereka akan dikesan sebagai wanita 'celupar'. Hal ini tentunya akan menjejaskan imej dan harga diri mereka selaku wanita, yang pada umumnya dilabel sebagai kaum yang penuh bersopan santun dan berbudi bahasa.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah kepada kita bahawa dalam menjaga imej dan harga diri masing-masing, seseorang wanita tidak akan menyatakan sesuatu maksud secara terus terang, sebaliknya mereka sering menggunakan bahasa eufemisme bagi menyatakan sesuatu maksud dengan cara yang tersirat seperti mana yang dinyatakan oleh Lakoff (1979) bahawa bahasa eufemisme biasanya lebih banyak digunakan oleh kaum wanita. Misalnya, contoh yang diberikan oleh Lakoff dalam kajiannya yang membandingkan antara bahasa wanita dengan bahasa lelaki:

- (a) "Oh dear, you've put the peanut butter in the refrigerator again."
- (b) "Shir, you've put the peanut butter in the refrigerator again."

Daripada contoh ayat di atas, Lakoff mengelaskan ujaran (a) adalah bahasa

yang diluahkan oleh seorang wanita, manakala ujaran (b) ialah bahasa seorang lelaki.

PEKERJAAN DAN KAITANNYA DENGAN BAHASA WANITA

Taraf pekerjaan seseorang wanita mempunyai kaitan rapat dengan bahasa yang mereka digunakan. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam sendiri, dari jenis pekerjaan seseorang wanita itu dapat kita bayangkan jenis bahasa yang sering digunakan.

Tanggapan atau andaian ini boleh kita kaitkan dengan teori Trudgill (1983) yang mengatakan bahawa majoriti wanita yang bekerja atau bergaji banyak menggunakan bahasa standard daripada wanita yang tidak bekerja atau bergaji.

Berasaskan pendapat Trudgill, memang diakui realitinya pada wanita-wanita yang menduduki jawatan dalam institusi/jabatan perkhidmatan awam di Negara Brunei Darussalam. Mereka kerap menggunakan bahasa standard terutama bila mereka berinteraksi atau bertutur dengan orang yang setaraf dengan mereka dan pekerja-pekerja bawahan mereka.

Langkah ini sebenarnya adalah untuk menjaga prestij, imej dan harga diri mereka. Walaupun mereka menggunakan bahasa yang mudah sewaktu memberikan arahan kepada orang bawahan namun unsur kesopanan berbahasa seperti nada suara yang lembut masih dipraktikkan.

Contohnya:
"Tolong buat laporan minit mesyuarat, serahkan kepada saya secepat mungkin."

Pada situasi yang lain, jika kita lihat pekerja-pekerja peringkat pertengahan seperti jurujual, mereka juga menggunakan bahasa standard tetapi terdapat sedikit perbezaan terutama dari segi penggunaan kata yang tidak sesuai dengan konteks. Misalnya, seorang jurujual di kaunter produk-produk alat solek di sebuah pasar raya yang cuba memujuk seorang pelanggan wanita dengan berkata:

"Kak belilah gincu ini. Kalau kakak pakai gincu ini kakak akan nampak cantik."

Terdapat dua kemungkinan yang terjadi apabila pelanggan mendengar kata-kata seperti itu. Pertama, pelanggan akan menarik muka masam dan membeli barang yang ditawarkan. Kedua, mungkin pelanggan berkeinginan terus tidak jadi membeli apa-apa dari kaunter tersebut kerana teras dihibia oleh jurujual yang dianggap mengatakan dirinya tidak cantik.

Nampak di sini walaupun jurujual itu bertujuan untuk mengeluarkan kata-kata dengan nada yang lembut dan diujarkan dengan penuh sopan namun perkataan-perkataan yang dituturkan kurang sesuai diujarkan dan boleh menimbulkan implikasi negatif kepada orang yang mendengar.

Bagi wanita-wanita peringkat bawahan pula terutama yang bekerja di kilang-kilang, bekerja sebagai buruh, penjaja-penjaja di pasar atau di gerai-gerai dan sebagainya, mereka lebih banyak menggunakan bahasa-bahasa yang mudah dan pendek-pendek.

Contohnya:
a) Kita bungkus, siap sanang (pekerja kilang)
b) Kak, langsat! (penjaja)
c) Potong pendek? (buruh)

Daripada contoh-contoh situasi di atas, jelas kepada kita, ragam dan gaya bahasa antara pekerja peringkat atas dan berjawatan tinggi/berpendidikan dengan pekerja peringkat pertengahan dan peringkat bawahan memperlihatkan sedikit perbezaan.

USIA DAN KAITANNYA DENGAN BAHASA WANITA

Faktor usia adalah salah satu penyebab mengapa ragam bahasa yang digunakan oleh wanita itu berbeza-beza. Umpamanya, penutur wanita dewasa iaitu antara 21 tahun hingga 35 tahun lebih gemar menggunakan bahasa yang bersifat mudah dan ringkas terutama pada situasi santai.

Pada peringkat ini juga, mereka mencipta dan menggunakan bahasa-bahasa yang difahami hanya di kalangan mereka. Bahasa seumpama ini dikenali sebagai bahasa slanga. Bahasa ini digunakan semata-mata untuk hiburan atau untuk melindungi sesuatu yang mereka anggap sebagai rahsia.

Misalnya:
a) 'Baking powder' ditunjukkan bagi seorang lelaki yang sering mengusik perempuan.

b) 'Bandaran' - panggilan bagi orang yang mengutip lebih banyak makanan yang dihidangkan.

Bagi wanita yang melewati usia 40 tahun pula, mereka lebih senang menggunakan ragam bahasa berkias, bahasa sindiran dan bahasa terbalik. Bagaimanapun, bahasa seperti ini digunakan mengikut situasi, misalnya seorang nenek mengiaskan maksud kata-katanya kepada perkara lain untuk menyindir cucunya yang sedang menangis.

Contohnya:
a) "Wah! Lebat betul hujan hari ini."
b) "Mengapa gelas tu pecah?"

Pada situasi lain, umpamanya ketika membangkit atau mengungkit kesalahan seseorang yang enggan menerima nasihat atau teguran, ragam bahasa yang digunakan juga turut berbeza. Misalnya:

"Udah ku pasan balik-balik, kamu inda percaya, buat tia keraja atu sebanter awal, inda kalang-kabut, sampat belawa-lawe, menyambut orang datang."

Ujaran di atas merupakan bahasa tempelak ala sindiran yang agak kesat. Tetapi wanita peringkat ini, biasanya akan mengucapkannya dengan cara yang

tertib dan dengan nada lembut agar orang yang ditempelak itu tidak tersinggung atau naik radang.

LATAR BELAKANG BUDAYA DAN KAITANNYA DENGAN BAHASA WANITA

Latar belakang budaya yang berbeza turut mempengaruhi perbezaan perilaku bahasa seseorang wanita. Misalnya, teknik komunikasi masyarakat barat ialah dengan menyebut nama diri berserta dengan gelarnya di dalam percakapan.

Perbuatan menyebut nama orang itu diandaikan sebagai iklim komunikasi yang positif. Realiti ini boleh kita temui atau mungkin pernah kita alami di mana orang Eropah yang datang ke negara kita akan meminta kita memanggil mereka dengan nama diri mereka sahaja walaupun kita baru sahaja mengenali mereka. Misalnya seorang wanita bernama Jenny Blair, dia akan meminta kita memanggilnya 'Jenny' sahaja.

Mereka juga akan membahaskan kita dengan nama diri kita sahaja. Jika nama kita Zaleha, dia akan memanggil kita dengan Zaleha. Menurut mereka, cara ini adalah lebih mesra. Namun budaya seperti ini sukar dilakukan oleh masyarakat Timur terutama orang yang masih pekat nilai kemelayuannya. Keadaan ini disebabkan dalam adat, priorty bergaul orang Melayu ialah menjaga rasa hormat kepada orang lain.

Bagi orang Melayu, apabila bercakap dengan seseorang, kita hanya boleh menyebut nama diri orang itu jika dia sama taraf atau lebih rendah tarafnya dengan kita. Misalnya bercakap dengan rakan sebaya, rakan sekerja, antara guru dengan murid atau ibu dengan anaknya, oleh kerana orang Melayu tidak menyebut nama diri orang yang kita muliakan, maka nama itu digantikan dengan nama gelaran seperti Dato/Datin, Haji/Hajah, Encik, Tuan/Puan dan lain-lain.

Kata sapaan adalah perkara yang sensitif kepada orang Melayu. Oleh itu dalam masyarakat Melayu kita seharusnya menggunakan kata sapaan dengan betul. Jika kita salah menggunakan, kita akan dianggap tidak tahu budi bahasa. Sehubungan dengan ini, kaum wanita begitu peka dengan peraturan ini.

BAHASA WANITA DAN SITUASI TUTUR

Wanita cenderung menggunakan bahasa yang bersesuaian dengan situasi dan kecenderungan ini dapat menentukan laras bahasa yang digunakan. Misalnya, penggunaan bahasa oleh seseorang wanita dalam situasi formal seperti semasa memberi ucapan, pidato atau kuliah adalah berbeza daripada laras bahasa dalam perbualan tidak formal seperti antara suami dan isteri, majikan dan pekerja, individu dan rakan akrab dan sebagainya.

Dalam situasi sosial yang berbeza-beza juga wujud penggunaan bahasa

yang berlainan sewaktu berinteraksi. Ini disebabkan dalam hubungan sosial terdapat hubungan perbadi iaitu daripada yang paling mesra antara kaum keluarga hingga kepada yang formal seperti antara majikan dengan pekerja dan hubungan yang tidak bersifat perbadi seperti antara penulis buku dengan pembaca buku.

Dalam situasi tidak formal iaitu dalam perhubungan seharian, para wanita tidak mementingkan unsur-unsur tatabahasa serta imbuhan. Dalam perbualan, aspek kemesraan dan pemahaman maksud yang lebih diutamakan berbanding susunan dan aturan tatabahasa yang betul.

Dalam pemilihan perkataan, kebanyakan mereka menggunakan perkataan yang pendek-pendek dan dapat menimbulkan kesedapan dan kefahaman, di samping menggambarkan kemesraan antara mereka dan anggota masyarakat yang terlibat.

Dalam penggunaan ayat pula, mereka lebih menggunakan ayat-ayat yang tidak mempunyai imbuhan seperti yang terdapat dalam ayat-ayat tulisan. Keadaan ini memudahkan mereka berhubung dan menyatakan maksud dengan lebih cepat. Sekiranya menggunakan ayat yang lengkap, akan menjadikan situasi yang tidak mesra serta tidak menghidupkan suasana. Umpamanya, interaksi antara anak dengan ibu, kawan dengan kawan yang akrab dan sebagainya.

Bagaimanapun, nilai-nilai kesantunan bahasa masih tetap dipertahankan sama ada melalui nada atau intonasi yang digunakan. Dalam keadaan tertentu, ada juga wanita yang menggunakan bahasa standard pada situasi tidak formal jika mereka berkomunikasi dengan seseorang yang baru dikenalnya. Misalnya kepada pekerja atau pembantu rumah yang baru saja bekerja dan tidak memahami dialek mereka malah tidak dinafikan ada sesetengah wanita akan meniru 'accent' pekerja tersebut (bergantung dengan siapa dia bertutur).

- Contohnya:
- a) "Pastikan anak-anak makan sebelum pergi ke sekolah tengah hari nanti."
 - b) "Jangan awak simpan cermin ini atas kerusi, nanti pecah."

IMPLIKASI PSIKOLOGI TERHADAP BAHASA WANITA

Menurut Palmer (1992), sifat dalaman sebenarnya berupaya mencorak penampilan keseluruhan seseorang melalui perbuatan dan pertuturannya. Misalnya seseorang yang berpendirian tegas dan yakin akan kebolehan biasanya terdiri daripada golongan wanita berpendidikan tinggi, berstatus tinggi, wanita-wanita korporat dan wanita-wanita berkerjaya.

Psikologi wanita yang tenang biasanya akan bertutur dengan lebih tertib dan menggunakan bahasa yang sopan berbanding dengan wanita-wanita yang menghadapi masalah psikologi misalnya tekanan emosi, penakut, perasaan rendah diri, tidak tegas dan sebagainya.

Ciri-ciri negatif yang ada pada diri wanita ini mudah dikesan melalui pertuturan atau cara mereka berbahasa. Apabila bercakap mereka tidak berani bertentang mata, kurang pandai memberikan pendapat yang bernas dan ada kalanya mereka mempunyai idea yang bagus tetapi tidak berani meluakannya kerana bimbang.

Dalam berkomunikasi, realitinya wanita lebih berani menampilkan emosi dan bersedia menceritakan masalah peribadi dan perasaan yang mereka alami kepada sesiapa yang sudi mendengarnya, terutama apabila mereka sedang melalui konflik emosi di dalam hubungan mereka dengan pasangan.

Wanita melahirkan emosi mereka melalui berbagai cara, antaranya:

- a) Melalui perkataan-perkataan emosi seperti suka, benci, meluat, sayang, sakit hati, sedih dan lain-lain;
- b) Melalui perubahan air muka;
- c) Melalui intonasi atau nada suara;
- d) Melalui tingkah laku.

Pada umumnya, wanita tidak akan menggunakan bahasa yang tidak sopan kecuali jika harga diri seseorang wanita itu disentuh. Misalnya seorang wanita yang dituduh berlaku curang atau melakukan perkara-perkara negatif yang tidak dilakukannya. Kemungkinan dua reaksi penggunaan bahasa yang berbeza akan timbul dalam situasi tersebut:

- a) "Saya wanita, tahu-lah saya menjaga maruah seorang wanita."
- b) "Mungkin awak yang melakukan, mengapa tuduh"

BAGI orang Melayu, apabila bercakap dengan seseorang, kita hanya boleh menyebut nama diri orang itu jika dia sama taraf atau lebih rendah tarafnya dengan kita. Misalnya bercakap dengan rakan sebaya, rakan sekerja, antara guru dengan murid atau ibu dengan anaknya, oleh kerana orang Melayu tidak menyebut nama diri orang yang kita muliakan, maka nama itu digantikan dengan nama gelaran seperti Dato/Datin, Haji/Hajah, Encik, Tuan/Puan dan lain-lain.

saya?" Contoh ujaran di atas adalah berkaitan dengan emosi wanita, ujaran (a) masih menggambarkan ketenangan emosi yang kesannya nampak pada gaya bahasa yang digunakan meskipun bahasa itu sebenarnya menafikan tuduhan. Manakala ujaran (b) menunjukkan sikap agresif yang terlahir dari emosi marah.

KESIMPULAN

Secara umum, wanita Melayu memang dikenali sebagai masyarakat yang berbudi pekerti dan mempunyai adap sopan serta peribadi yang lembut dan halus. Sifat semula jadi inilah yang menyebabkan mereka cenderung menggunakan bahasa dan ungkapan yang penuh bertatasusila untuk menjaga perasaan dan harga diri orang lain.

Walau bagaimanapun, sebilangan masyarakat menganggap fenomena berbahasa dengan lebih sopan oleh kaum wanita ini sering dikatakan sebagai bahasa yang tiada kuasa, lemah dan tidak berwibawa. Namun yang jelas ialah penggunaan bahasa sopan, halus atau kasar dari seorang wanita bergantung kepada keadaan dan faktor-faktor lain seperti latar belakang pendidikan, pekerjaan, usia, status sosial, persekitaran, keturunan, latar belakang budaya, agama dan faktor psikologi.

Secara ringkas, dapatlah disimpulkan bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan maruah dan harga diri adalah pendorong utama untuk wanita berbahasa sopan.

BIBLIOGRAFI

- Cameron, D. (1988). *Feminine and Linguistic Theory*. London: Mac Millan.
- Coates, Jennifer and Deborah Cameron (eds.). (1993). *Women In Their Speech Communities: New Perspectives On Language and Sex*. London: Longman Holmes, J. (1992). *An Introduction to Sociolinguistics*. London: Longman
- Hornby, A. S., (1973). *The Advanced Learner's Dictionary of Current English*. U.K: Oxford University Press.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga (1995). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Key, M.R., (1975). *Male/Female Language*. Metuchan, NJ: Scarecrow Press.
- Lakoff, R. (1979). *Women's Language*. *Language and Style*. 10(4), 222-247.
- Nik Safiah Karim (1995). "Perempuan", dan "Wanita". *Perspektif Sosiolinguistik dlm Pelita Bahasa* 7: 4 (27-28).
- Palmer, F. R., (1992). *Semantik (Terjemahan Abdullah Hassan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Trudgill, P. (1974). *Sociolinguistics*. London: Penguins.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Masyarakat perlu dalam ilmu ICT

ERA globalisasi kini telah membawa suatu cabaran pada dunia. Dalam kehidupan seharian yang dilalui bagi setiap insan yang cuba menangkis segala haluan menerajui dunia tanpa sempadan dan dalam masa yang sama, kehadiran teknologi kini semakin mencabar kehidupan manusia sejagat.

Dalam erti kata lain, masyarakat kini khususnya di negara ini perlulah menguasai teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Integrasi teknologi maklumat dan komunikasi ini haruslah diperkembangkan dalam sistem-sistem pengurusan di jabatan-jabatan kerajaan dan swasta dan juga di sekolah-sekolah.

Bagi kakitangan dan pihak pengurusan sekolah haruslah sudah menukar strategi dalam sistem pengurusan mereka kepada teknologi digital dan multimedia di mana mereka boleh memanfaatkannya di dalam sistem aplikasi database bagi butir-butir peribadi penuntut dan persekolahan, penuntut, rekod kakitangan, inventori, penjadualan, maklumat serta keputusan peperiksaan secara on-line dan sebagainya. Apa yang lebih penting, guru-guru hendaklah dilatih untuk mencetuskan inovasi dan mengembangkan daya kreativiti dalam penghasilan bahan-bahan dan sumber-sumber pengajaran dan pembelajaran IT dan multimedia seperti maklumat melalui portal internet, perkongsian bahan rujukan dan nota pelajaran secara pintar, konsep interaktif, e-kertas, e-buku dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengenal pasti beberapa bidang utama dan memperkenalkan serta memperkembangkan aplikasi ICT di dalam kehidupan, perdagangan dan perniagaan. Ini bertujuan untuk memanfaatkan perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat pada ketika ini terutama di dalam urusan kerja dan pentadbiran seperti program e-kerajaan dan diharapkan dapat memodenkan lagi sistem pentadbiran dan pengurusan perkhidmatan awam sesuai dengan keperluan dan kehendak semasa.

Walaupun teknologi merupakan satu kemudahan semata-mata dan secanggih-canggihnya, alat teknologi yang tersedia ini mungkin tidak akan dapat berfungsi dengan baik tanpa adanya sumber manusia yang mengendalikannya. Kemudahan seperti ini bukan sahaja dapat membantu mempercepatkan proses-proses kerja dan pentadbiran tetapi juga membantu dan membuat keputusan berdasarkan kepada informasi-informasi yang lebih mudah diperolehi dan lebih cepat dianalisa dengan tepat.

Dalam menghadapi teknologi infokomunikasi ini, kita haruslah juga sentiasa berwaspada dan peka terhadap risiko yang bakal dibawa bersama yang bukan hanya dilihat sebagai pengguna malahan pentadbiran kepada kemajuan ICT itu sendiri bagi mewujudkan 'knowledge society' atau masyarakat yang berpengetahuan.

Kini masyarakat haruslah peka dan prihatin untuk mendalami ICT demi manfaat bersama. Dengan adanya ICT sebegini dapatlah kita mengelakkan daripada kerja yang bertindih-tindih dan seterusnya mempercepatkan proses membuat sesuatu keputusan dan di sini ianya memainkan peranan dalam peralihan paradigma dan perubahan minda serta sikap yang positif dalam menghadapi arus modenisasi dan kesan globalisasi yang rancak berjalan pada ketika ini.

Dengan itu, marilah kita bersama-sama memperkembangkan minda dan prihatin di dalam menguasai dunia teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam era yang penuh cabaran ini.

Norazlina binti Asmalee,
No. 6, Simpang 39-60-4,
RPN Kampong
Pandau 7,
Kuala Belait, KA 2131.
No. k/p: 00-292873

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Belia Jangan Terlalu Memilih Kerja'. Tarikh tutup 12 Jun 2003.
2. 'Kita Perlu Menjaga Kemudahan Awam Yang Disediakan'. Tarikh tutup 19 Jun 2003.
3. 'Bersama Meraikan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia'. Tarikh tutup 26 Jun 2003.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada:

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,

Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Masyarakat Perlu Menguasai Teknologi Maklumat dan Komunikasi'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Institusi pendidikan, keluarga, berperanan membudayakan penguasaan ICT

BIDANG teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tidak dapat dinafikan sudah menjadi komponen utama dalam kehidupan seharian pada masa kini dan ia akan bertambah penting di masa akan datang.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memberikan inisiatif yang sangat membanggakan kepada kita kerana kerajaan baginda telah tidak mengenakan bayaran cukai kepada pengimportan komputer ke negara ini. Dalam hal ini jelas negara kita benar-benar ingin mengejutkan orang-orang kitani berilmu pengetahuan dan menguasai bidang ICT sekali gus merupakan cabaran yang perlu disahut oleh kita.

Kita amat bersetuju penguasaan ilmu ICT itu diperankan oleh dua institusi yang mampu memainkan peranan dalam aspek pengacuan pemikiran dan sikap. Dua institusi itu ialah persekolahan dan kekeluargaan.

Dalam dua institusi tersebut para guru dan ibu bapa adalah dua tunggak utama yang ikut serta dalam usaha menjengah era globalisasi dalam memantapkan keilmuan teknologi dan komunikasi ini bermakna guru dan ibu bapa akan melaksanakan tugas dengan sebaiknya dan negara menagih usaha yang berganda dari mereka.

Senario hari ini tentunya akan dapat mem-

beri gambaran yang ideal mengenai peri mustahaknya menguasai ICT dan menjadikan satu budaya sebagai unsur penting dalam kehidupan dan kita yakin penguasaannya juga lambat-laun menjadi sebahagian resam kehidupan dalam arus perubahannya. Bak kata orang 'dunia di hujung jari'.

Abad ke-21 ini bakal menyaksikan dunia penuh cabaran. Ini ada kaitan dengan pergerakan ekonomi dunia menuju globalisasi dan kehadiran ICT. Dalam menghadapi cabaran ini rakyat Brunei mestilah melengkapi diri terutama dalam bidang ICT agar mampu bersaing dengan warga tempatan atau warga antarabangsa. Ini memerlukan setiap rakyat Brunei terus berusaha meningkatkan tahap ilmu. Setentunya sebagai seorang manusia kita sentiasa dibayangi dengan sifat kekurangan, oleh itu proses penguasaan ilmu tidak ada penghujungnya bagi seorang manusia. Hanya Allah yang serba mengetahui sebagaimana firman-Nya yang tafsirannya: "Sesungguhnya Allah mengetahui setiap sesuatu." (Surah Al-Ankabut ayat 62). Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda: "Dua yang tidak memuaskannya iaitu menuntut ilmu dan menuntut dunia." (Hadis riwayat Ibnu Addi). Sabdanya lagi yang bermaksud: "Sesiapa yang menghendaki dunia, hendaklah berilmu. Siapa yang menghendaki akhirat, hendaklah berilmu dan sesiapa yang menghendaki kedua-duanya,

Teknologi maklumat penting dalam pembangunan negara

TEKNOLOGI maklumat dan komunikasi (ICT) adalah sistem perhubungan yang cepat serta memudahkan perhubungan manusia sejagat. Teknologi ini juga merupakan teknologi yang berkembang pesat di merata dunia yang meninggalkan kesan yang ketara iaitu membawa kesejahteraan kepada individu, masyarakat dan kemajuan pembangunan negara. Justeru masyarakat perlu menguasai dengan sepenuhnya dalam bidang ICT bagi merealisasikan pembangunan negara iaitu menuju ke arah yang cemerlang.

Di era globalisasi, masyarakat di negara kita perlu meningkatkan penguasaan ICT kerana bidang ini merupakan asas bagi menggerakkan pembangunan negara. Selain daripada itu juga dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi negara terutama di dalam bidang sains. Justeru masyarakat kita hendaklah bersiap sedia melengkapi diri dengan pengetahuan ICT agar negara tidak dipandang mundur, malah dapat bersaing dengan negara maju seperti Jepun, Amerika Syarikat dan sebagainya.

ICT yang canggih dapat membantu meningkatkan

taraf kehidupan masyarakat di negara kita. Ini terbukti melalui sistem-sistem komunikasi yang canggih dapat menghubungkan manusia sejagat dengan begitu cepat. Begitu juga maklumat-maklumat yang telah diakses di telefon-telefon bimbit yang membuktikan kemajuan ICT meningkatkan serta mengubah corak kehidupan masyarakat global dari segi telekomunikasi, perdagangan dan sebagainya.

Kenapa masyarakat digalakkan menguasai bidang teknologi maklumat? Ini adalah kerana untuk melahirkan masyarakat yang berpengetahuan dalam bidang ICT terutama di kalangan para pelajar. Para pelajar harus digalakkan menguasai bidang tersebut kerana merekalah bakal menerajui pembangunan negara yang dilengkapi dengan sistem canggih. Jika mereka tidak celik dalam bidang teknologi maklumat, kita akan mengalami kerugian besar. Justeru para pelajar perlu dipraktikkan dengan pengetahuan teknologi maklumat sejak mereka di bangku sekolah lagi.

Bagi meningkatkan penguasaan bidang teknologi maklumat di kalangan para pelajar, apa yang perlu di-

lakukan ialah menjadikan pendidikan komputer sebahagian daripada kurikulum pendidikan. Ini bertujuan bagi meningkatkan pengetahuan mereka mengenai bidang IT selaras dengan perkembangan dunia ketika ini. Bukan setakat itu saja malah mempelajari bidang teknologi maklumat mendatangkan faedah kepada para pelajar iaitu membantu mereka memperolehi ilmu pengetahuan melalui internet sekali gus menjana pelajar cemerlang.

Di negara kita, pembelajaran bidang ICT kian dipertingkatkan di maktab-maktab, sekolah-sekolah menengah dan rendah. Ini terbukti banyak agensi-agensi kerajaan dan swasta tampil ke hadapan memberi sumbangan peralatan-peralatan komputer yang mana bertujuan memperingkatkan pembelajaran ICT di kalangan pelajar-pelajar sekolah bagi menjana pelajar cemerlang di bidang teknologi maklumat.

Bukan setakat itu saja, malah kini banyak kelas-kelas bagi mempelajari bidang ICT ditubuhkan yang mana bagi memberi peluang kepada masyarakat di negara kita mendalami dan memperingkatkan kemahiran mereka di dalam bidang tersebut.

Banyak kelebihan yang boleh kita perolehi daripada mempelajari bidang teknologi maklumat. Selain daripada bermanfaat kepada seseorang individu, ia juga amat penting dalam menerajui pembangunan negara. Apa yang penting, inisiatif masyarakat terhadap perkembangan teknologi maklumat perlu diambil berat bagi menjana kemajuan pembangunan negara hingga ke tahap kejayaan. Justeru masyarakat di negara kita hendaklah sama-sama mengambil inisiatif dalam mempelajari dan seterusnya menguasai bidang teknologi maklumat dan komunikasi sepenuhnya.

Awangku Mohd. Shahrom bin Pengiran Haji Shamsudin,
No. 33, Simpang 637-84-26-33,
STKRJ Lambak Kiri,
BB 1114.
No. k/p : 00-296922

hendaklah berilmu."

Jelas di sini ilmu merupakan sebagai pakaian setiap manusia, tanpa ilmu manusia itu ibarat bertelanjang. Sesungguhnya orang yang berilmu mempunyai kedudukan tinggi sebagaimana firman Allah yang tafsirannya: "Allah meninggikan darjat orang yang beriman di antara kamu dan orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat." (Surah Al-Mujadalah ayat 11). Perlu difahami bahawa ilmu agama dalam Islam merangkumi semua ilmu yang membawa kepada kebaikan dan tidak semestinya terhad kepada bidang yang berkaitan dengan keagamaan saja.

Perkembangan ICT bakal menyaksikan perubahan dalam budaya dan kaedah kerja pada abad ini sebagai contoh kemudahan sistem perkomputeran canggih membawa ke arah kerja 'kurang kertas'. Ini disebabkan kerana kebanyakan borang yang selalu dicetak di atas kertas dan sekarang boleh diisi di papan layar komputer saja telah mengurangkan keperluan kerja meja. Pekerja boleh menyelesaikan tugas dari rumah kita akan menjadi tenaga pekerja produktif dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Ahmad bin Haji Tuah,
Jabatan Pelabuan Muara, BT 1728.
No. k/p : 00-046853

REMAJA

Membina kegembiraan dengan bakat

OLEH H. A. MANAP

SERING kita dengar adanya pertembungan perasaan yang menyebabkan seseorang itu tidak yakin pada dirinya sendiri. Bertolak dari sini akan ada pencarian bagaimana membina dan mendapatkan keyakinan diri? Keyakinan pada diri sendiri merupakan kejayaan yang sangat berharga pada seseorang. Kejayaan ini insya-Allah akan memberikan kesihatan jiwa dan mental seseorang. Jika jiwa dan mental seseorang berada pada tahap yang sihat ia akan sentiasa ceria, riang dan mampu mengendalikan sesuatu dengan sebaiknya. Sebaliknya jika jiwa dan mental tidak sihat akan mewujudkan kegelisahan, berprasangka dan suka melakukan sesuatu yang tidak berfaedah, dan ini boleh menyebabkan jiwa dan mentalnya tidak setabil. Ketidakstabilan ini boleh menghasilkan gejala sosial yang negatif dan tidak berfaedah langsung.

Ramai orang tahu jiwa dan mental merupakan dua faktor yang amat rapat hubungannya dalam perkembangan seseorang. Ia menghasilkan gambaran cara berfikir, bertindak dan berusaha yang amat memberangsangkan. Keadaan ini juga mempengaruhi proses membuat keputusan, pertimbangan dan menentukan tindak-tanduk yang sentiasa positif dan sangat proaktif.

Remaja belia sentiasa berhadapan dengan

kegelisahan, tegang, tertekan dan sebagainya. Ini memerlukan kepada usaha lari dari kekejaman otot-otot yang bergelut dengan ketegangan. Kita perlu melunakkannya agar kita mampu melaksanakan pergerakan dengan mudah dan aktif. Ketegangan otot mental akan berlaku jika kita berhadapan dengan pelbagai masalah, kerumitan dan kesusahan. Cara kita berfikir juga perlu berubah. Kita perlu lari dari lingkungan yang menyekat perkembangan daya fikir kita. Kita mesti mewujudkan suasana yang lunak di hati dan pemikiran. Kelunakan pemikiran dan kelembutan hati ini akan membawa kita kepada perubahan diri yang amat menyerlah. Perubahan ini penting kita wujudkan dalam diri kita kerana ia membantu membuka ruang minda kita dari kesempitan kepada ruang yang luas. Dari sinilah akan bermula sesuatu yang boleh membina kualiti dan daya kreativiti yang bernilai tinggi.

Misalnya jika kita tergolong ke dalam golongan mereka yang suka mengkritik dan sentiasa melihat orang lain salah dan tidak betul, kenapa tidak kita ubah dengan menyumbang ke arah kritikan membina dengan memperkaya idea mem-

betulkan segala kekurangan dan meningkatkan segala kelemahan. Belia remaja perlu membina diri untuk mencapai kecemerlangan yang tinggi. Kita perlu memiliki daya saing yang berkualiti. Nilai dan wibawa diri berperanan untuk mewujudkan penciptaan bakat yang menyerlah. Resipi mencipta kegembiraan dengan bakat yang sedia ada mestilah dijadikan pemangkin ramuan kejayaan.

Kalau kita melihat kepada negara-negara maju sebahagian besar dari masyarakatnya adalah mereka yang mampu mewujudkan bakat diri yang cemerlang. Bakat inilah diasuh dan dibentuk bagi mewujudkan kegembiraan yang membina keyakinan diri. Dalam arus perkembangan dan kepantasan perubahan masa kini, kita perlu kepada perubahan yang menghasilkan kejayaan. Namun kejayaan tidak mungkin boleh dicapai dengan cara yang pasif. Kita perlu bergerak aktif, berkarya dan sentiasa peka akan keadaan sekeliling. Tidak terlambat kalau dari saat ini kita bergerak mewujudkan beberapa kelompok kreativiti yang berkarya, misalnya pada setiap hujung minggu. Kalau kita memiliki pasar bunga, buah-buahan dan tanam-tanaman, kita juga perlu pada mewujudkan pasar seni, misalnya untuk penggiat seni seperti pelukis, pemuzik ataupun pencipta kreatif untuk berkarya.

Dari sini mungkin akan terhasil suatu pembaharuan dan juga akan ada penggiat yang berkembang maju dalam karya masing-masing. Bidang penulisan misalnya juga perlu digiat dan ditingkatkan ke satu tahap aras yang tinggi. Ini penting supaya penghasilan penulisan tempatan terpakai ke arena antarabangsa yang boleh dijadikan bahan dan sumber bacaan ilmu dan sastera kreatif. Perubahan dan aktiviti sedemikian hanya akan boleh digerakkan dari mereka yang memiliki bakat itu sendiri. Justeru bakat yang ada pada kita perlu dimanfaatkan dengan sebaiknya agar ianya dapat mencipta kegembiraan yang menghasilkan kejayaan.

Kepekaan kita yang berbakat dalam memajukan kemahiran dan bakat masing-masing banyak bergantung sejauh mana kita mahu menjadi karyawan yang dinamik dan produktif. Kewujudan Sekolah Sukan merupakan langkah permulaan pada mewujudkan lebih banyak sektor persekolahan yang mungkin dilebarkan ke dunia seni yang semakin digemari ramai dan dalam kepelbagaian. Orkestra Belia yang ditubuhkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan merupakan langkah bijak dalam melebarkan dunia seni untuk para karyawan. Terpuhlah kepada kita bagaimana menggarap ilmu dan kemahiran dalam perkembangan yang sedia ada.

INAYAH

BERIKAN YANG TERBAIK UNTUK KELUARGA

DARIPADA Aisyah Radiallahuanha, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Yang terbaik di antara kamu ialah yang terbaik terhadap isterinya dan aku adalah orang yang terbaik terhadap isteriku."

(Riwayat Al-Imam At-Tirmizi).

Dengan Kerjasama Jawatankuasa Kecil Media Menangani Isu Sosial

Penguatkuasaan undang-undang perlu sesuai dengan perkembangan semasa

Oleh
Aliddin HM

BERAKAS, 19 Mei. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mencadangkan supaya jabatan penguatkuasaan undang-undang di bawah bidang kuasanya mengkaji semula atau jika perlu menggubal undang-undang dan peraturan yang sedia ada supaya sesuai dengan perkembangan semasa.

Perubahan ini perlu bagi memastikan keselamatan, kesejahteraan dan

keharmonian negara dan mempertingkatkan kerjasama antara agensi-agensi penguatkuasaan di bawah kementerian supaya mencapai tahap maksima.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin berkata demikian di Majlis Penyampaian Sijil kepada para peserta yang menamatkan Kursus Bimbingan

Tatacara Membuka Fail Siasatan yang berlangsung di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan di sini.

Agensi-agensi terbabit katanya, mestilah menyerahkan kuasa kepada pegawai penguatkuasaan masing-masing untuk menguatkuasakan undang-undang dan peraturan di bawah bidang kuasa mereka.

Dato Paduka menambak, perkara ketiga yang perlu diberi perhatian ialah bagi agensi-agensi penguatkuasaan itu melihat kesesuaian dan kewajaran denda atau hukuman supaya sejajar dengan kesalahan yang dilakukan dan mengikut keadaan semasa.

Dalam melaksanakan undang-undang ini juga katanya, hendaklah meneliti dan menghayati sifat adil dan saksama.

"Saya menyeru pengamal dan pelaksana undang-undang khususnya pegawai penguatkuasaan yang baru menamatkan kursus ini mengkaji semua undang-undang dan per-

aturan jabatan masing-masing," ujarnya.

Menurutnya, mereka kemudian boleh mengemukakan kajian semula itu kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk tindakan selanjutnya.

Dato Paduka juga berkata, kementerian menyedari bahawa unit penguatkuasaan di beberapa jabatan di bawah kementerian kekurangan dari segi logistik, tenaga manusia hingga mengurangkan keberkesanan operasi yang dikendalikan.

"Kekurangan yang dihadapi oleh semua jabatan penguatkuasaan undang-undang tidak seharusnya dijadikan alasan untuk tidak melaksanakan akta dan peraturan yang dijalankan," katanya.

Dato Paduka berharap peserta yang terdiri daripada agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang dapat menimba pengetahuan dan pengalaman dari bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Dato Paduka kemudiannya menyampaikan sijil kepada 23 orang pegawai dari lapan buah jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang menyertai kursus lima hari itu yang

bermula 8 hingga 15 Mei lepas.

Kursus lima hari itu bertujuan bagi membimbing para peserta untuk melaksanakan tugas mereka menurut bidang kuasa di jabatan masing-masing dan dapat menguatkuasakan undang-undang dengan lebih teratur serta dapat menubuhkan bahagian atau unit penguatkuasaan dengan lebih teratur dan bersistematis di jabatan masing-masing.

Sepanjang kursus tersebut, para peserta telah diberikan taklimat dan tunjuk ajar oleh para pegawai penguatkuasaan jabatan itu bermula dari tatacara mengendalikan siasatan, cara merekodkan keterangan, prosedur mengendalikan tangkapan dan tatacara pendakwaan.

Mereka juga diberikan kursus amali tatacara melakukan operasi dan pemeriksaan yang bersistematis dengan membuat pemeriksaan ke atas pengusaha-pengusaha penjual sayur dan buah-buahan di Kampong Tasek Meradun di Jalan Tutong.

Terdapat pelbagai pelanggaran akta dan peraturan di sana seperti kesalahan di bawah Akta dan Peraturan Imigresen, Akta Jabatan Daerah dan Akta Buruh.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman ketika berucap di Majlis Penyampaian Sijil Kursus Bimbingan Tatacara Membuka Fail Siasatan di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Oleh Bolhassan HAB
Gambar-gambar oleh
Ramli Tengah dan Mohd. Zul-Izzi HD

ABDB raikan ulang tahun ke-42

BERAKAS, 31 Mei. - Acara kemuncak sambutan Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-42 ialah Persembahan Arena dan Statik yang berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Persembahan penuh gilang-gemilang itu dikelolakan oleh Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei (ATPBDB) melibatkan anggota-anggota Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDDDB), Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB), Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB), ATPBDB dan Pusat Latihan ABDB.

Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yussof hadir selaku kehormat merasmikan acara sambutan yang dimulakan dengan persembahan 'Abseiling' oleh anggota-anggota ATUDB yang membawa 'banner' bertemakan Ilmu Asas Keberkesanan Pertahanan.

Konsep persembahan dibahagikan kepada dua segmen di mana segmen pertama memberi tumpuan kepada 'Penyerapan Ilmu Dalam Membentuk Angkatan Bersenjata' yang memaparkan perkembangan ABDB sejak penubuhannya pada 31 Mei 1961.

Yang Dimuliakan dalam perutusannya, menyeru seluruh anggota ABDB untuk menyedari hakikat kehidupan di abad ke-21 dan cabaran-cabaran yang dihadapi selaku penghuni perkampungan global yang sudah tidak bersempadan ini yang ditandai dengan kehidupan yang semakin kompleks, padat dengan

kemungkinan dan penuh dengan persaingan.

"Matlamat kita sekarang ialah untuk mewujudkan warga tentera yang cintakan ilmu dan kebenaran serta berlumbalumba untuk mencari, menguasai dan menghayati ilmu untuk kepentingan individu, institusi dan negara," tegas Yang Dimuliakan.

Yang Dimuliakan menambah, dengan ciri-ciri sedemikian itu ditanamkan dan dibudayakan di sanu-

bari setiap anggota ABDB, berasaskan taat kepada Allah Subhanahu Wataala dan perintah-Nya, setia kepada raja dan ketua, insya-Allah ABDB akan terus berkembang maju dan mampu mewujudkan pertahanan yang lebih berkesan.

Selaras dengan tema sambutan ulang tahun ABDB yang dipadankan dengan tema sambutan Hari Kebangsaan Ke-19, Yang Dimuliakan menyeru seluruh anggota ABDB menyembahkan ulang

ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Hadir menyaksikan persembahan ialah Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran) Kementerian Pertahanan, Yang Dimuliakan Pehin Datu Singamanteri Kolonel (L) Haji Mohammad Yasmin serta Pemerintah-pemerintah ATLDB, ATPBDB, ATUDB, ATDDDB dan Pusat Latihan ABDB.

Beberapa aktiviti berbentuk kemasyarakatan seperti projek membersihkan masjid-masjid dan projek membersihkan tanah perkuburan orang-orang Islam serta lain-lain aktiviti yang berbentuk keagamaan telah disusun sempena ulang tahun ke-42 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



PERASMIAN Persembahan Statik disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yussof (atas kiri). Sementara gambar kanan, Yang Dimuliakan ketika menyaksikan Pameran Peralatan Senjata di Persembahan Statik sempena sambutan ulang tahun ke-42 ABDB.



SEMANGAT patriotik masih tersemat di sanubari bekas perajurit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang turut sama menjayakan Persembahan Arena sempena sambutan tersebut.



PERSEMBAHAN Precision Drill oleh anggota Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (atas). Sementara gambar kiri, Persembahan Arena para anggota ABDB yang menarik perhatian ramai penonton.

'Ilmu Asas Keberkesanan Pertahanan' tema sambutan ulang tahun ABDB

BERAKAS, 28 Mei. - Warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bersiap sedia bagi merayakan sambutan sempena ulang tahun penubuhan angkatan berkenaan pada 31 Mei ini.

Sambutan yang disusun rapi itu dilihat menjadi mencetus kegemilangan sejak ditubuhkan 42 tahun lalu dengan tema 'Ilmu Asas Keberkesanan Pertahanan'.

Oleh Samle HJ

Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong hadir menyaksikan latihan penuh sambutan berkenaan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Hassanah Bolkiah, Berakas pagi tadi.

Persembahan Arena dan Statik menjadi upacara kemuncak sambutan yang dikelolakan oleh Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei (ATPBDB) yang menyediakan persembahan penuh warna-warni dan menarik perhatian orang ramai.

Paparan perkembangan ABDB melalui klip video, persembahan anggota bekas perajurit dan persembahan gabu-

ngan ahli dan bekas ahli pancaragam ABDB bakal membangkitkan nostalgia warga ABDB yang sudah bersara.

Sementara itu, Pameran Statik yang menyediakan pameran alat-alat kelengkapan canggih ketenteraan dijangka menarik perhatian umum terutama golongan kanak-kanak.

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei menyambut ulang tahun penubuhannya setiap 31 Mei.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith hadir menyaksikan latihan penuh sambutan ulang tahun penubuhan ABDB. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Semua unit ABDB sertai persembahan

Oleh Bolhassan HAB

yang membentuk disiplin dan ketahanan fizikal termasuk gimnastik oleh 100 orang rekrut dan pegawai kadet, sementara Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei pula membuat pertunjukan bagaimana menyelamatkan mangsa menggunakan 'Dinghy Boat'.

ATPBDB membuat pertunjukan tae kwon do yang memperlihatkan ketahanan fizikal dan mental yang perlu ada pada setiap anggota telah dipersembahkan oleh 100 anggota dari Pasukan Polis Tentera (MP).

Acara selingan telah dipersembahkan oleh anggota Kompeni Askar Wanita (KAW) dan Pasukan Pancaragam ABDB yang mana KAW telah memperlihatkan kebolehan menggunakan senjata dan tarian menggambarkan semangat patriotik.

Pemerintah ABDB seterusnya merasmikan Pertunjukan Statik yang memperlihatkan kemudahan-kemudahan canggih dan terkini di setiap unit ABDB.

ABDB kini melangkah setapak lagi ke hadapan di dalam era perkembangan teknologi maklumat dengan tubuhnya Unit Teknologi Maklumat Pertahanan.

Unit yang baru ditubuhkan bagi mengemaskinikan sistem maklumat yang ter-

dapat dalam ABDB ke arah perkembangan semasa maklumat teknologi terkini dan dalam memperluaskan ilmu pengetahuan di bidang tersebut mengikut perkembangan semasa.

Selain itu ABDB juga telah menyusun beberapa acara sempena sambutan tersebut antaranya Pelancaran Buku ATDDDB, Perlindungan Buku, Road Show Cara Hidup Sihat salah satu acara akan diadakan di Kampong Sukang serta Perlindungan Dikir dan Nasyid.

Apa yang diharapkan semoga tema sambutan tahun ini 'Ilmu Asas Keberkesanan Pertahanan' akan dapat mengeratkan lagi tali silaturahmi di kalangan semua warga ABDB dengan penuh rasa dedikasi dan berkemampuan ke arah kesempurnaan serta kesejahteraan Negara Brunei Darussalam.

Ia sejajar dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang antara lain baginda bertitah menegaskan bahawa isu keganasan terpaksa juga diberikan perhatian.

"Kita tidak mampu untuk lalai atau leka terhadap keselamatan, kerana keselamatan adalah menjadi penentu kepada kesejahteraan rakyat dan negara," titah Kebawah Duli Yang Maha sempena Tahun Baru Masihi 2003.



SALAH satu Persembahan Arena dan Statik sempena sambutan ulang tahun ke-42 ABDB menarik perhatian orang ramai. - Gambar oleh Ramli Tengah.



PENUH BERSEMANGAT ... Nyanyian kumpulan koir berkumandang yang dipersembahkan oleh anggota-anggota ABDB sejurus selepas upacara perasmian Persembahan Arena.



PERLUMBAAN memasang 'Dinghy Boat' oleh anggota Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei.



NAIB Canselor UBD, Dr. Haji Ismail menyampaikan sijil kepada seorang peserta Kursus Bahasa anjuran Pusat Bahasa UBD. - Gambar oleh Hamadi HM.

UBD sumbang lebih \$53 ribu

JERUDONG, 26 Mei. - Majlis Penyampaian Derma kepada Tabung Kebangsaan Anak-anak Yatim dan Pusat Ehsan hasil sebahagian kutipan jogaton Tabung Pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah berlangsung di UBD hari ini.

Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman telah menyampaikan sejumlah \$53,408.00 kepada Pengarah Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat, Dayang Hajah Zaliha binti Haji Mohiddin, selaku wakil Tabung Kebangsaan Anak-Anak Yatim.

Sementara itu derma sejumlah \$5,340.80 telah diterima oleh Pengiran Haji Tajuddin selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyelenggara Pusat Ehsan.

Tabung Pelajar UBD telah berjaya mengumpul sejumlah \$55,777.80 bagi acara jogaton yang telah diadakan pada 13 April lalu.

Menurut Dekan Pela-

jar, Dr. Ampuan Haji Ibrahim acara jogaton itu telah mendapat sambutan yang menggalakkan yang bertujuan untuk membantu Bahagian Hal Ehwal Pelajar merancang,

Oleh
Bolhassan HAB

mengendalikan dan menganjurkan pelbagai aktiviti.

Projek Amal ABDB

TUTONG, 26 Mei. - Sempena Sambutan Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-42, pelbagai aktiviti dikendalikan dalam menunaikan tanggungjawab mereka terhadap negara mahupun bangsa dan salah satu daripadanya ialah dengan melaksanakan Projek Amal Pembersihan Kawasan Tanah Perkuburan Orang Islam dan Letak Kereta bagi Kampong Penanjong Garison.

Pemerintah Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, Kolonel Haji Abdu'r Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir berkesudian menyerahkan Sijil Projek

Oleh
Siti Aishah HS

berkenaan kepada Pegawai Daerah Tutong, bertempat di Kawasan Tanah Perkuburan Orang Islam Kampong Penanjong.

Projek tersebut dilaksanakan oleh Batalion Bantu Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei di seluruh negara.

Turut hadir bagi menyaksikan majlis tersebut ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Hefnie bin OKPSD Abang Haji Abu Hanifah berserta pegawai-pegawai kanan ATDD.

Pengambilan Ke-122 Rekrut ABDB

BERAKAS, 26 Mei. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) terus membukakan peluang pekerjaan sebagai seorang tentera yang terlatih di kalangan anak-anak tempatan yang berminat menjadi perajurit.

Ini jelas melalui pengambilan seramai 141 orang bakal-bakal rekrut lelaki dan sembilan orang bakal Pegawai Kadet lelaki bagi pengambilan ke-122.

Oleh
Abdullah Asgar

Majlis Penerimaan Bakal-bakal Rekrut dan Pegawai Kadet Pengambilan Ke-122 diadakan di Dewan Pahlawan Berakas Garison dirasmikan oleh Pemerintah Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, Kolonel Haji Abdu'r Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir.

Bakal-bakal rekrut lelaki dan bakal-bakal Pegawai Kadet tersebut akan menjalani sesi 'holding' selama tiga minggu di Pusat Latihan ABDB di Penanjong Garison sebelum memulakan latihan asas enam bulan juga di Pusat Latihan ABDB.

Ketika menjalani latihan mereka akan diajar pelbagai kemahiran tentera, latihan jasmani, kawad, latihan gempur di hutan, pengetahuan agama dan bersukan.

Pelajar sumber tenaga manusia masa hadapan

SALAMBIGAR, 20 Mei. - Para pelajar yang menuntut dalam menengah bawah dan atas hari ini merupakan penyumbang kepada sumber tenaga manusia yang akan menggerakkan pembangunan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam secara berterusan di masa hadapan.

Ketua Jabatan Perhubungan dan Perkhidmatan Sumber Tenaga Manusia, Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad, Awang Haji Mohd. Zaini bin Haji Awang Omar menjelaskan perkara itu di Majlis Pelancaran EXPLOMATHS Ke-11 2003 yang berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali di sini.

Beliau menambah, pihak BSP telah melaksanakan usaha yang berterusan bagi memperbaiki pencapaian keputusan peperiksaan awam di peringkat menengah bawah dan atas.

"Adalah wajar bagi para penuntut membuat penelitian dan penilaian yang bijak tentang mata pelajaran atau kursus-kursus yang akan diambil dalam pengajian lanjutan, sama ada di institusi-institusi pengajian tinggi dalam atau luar negara," ujarnya.

Oleh Aliddin HM

Perkara ini penting kerana negara perlu menghasilkan dan menyediakan sumber tenaga manusia yang sesuai dengan keperluan negara di masa akan datang.

Sekolah Menengah Chung Hwa telah muncul sebagai juara setelah mengalahkan Sekolah Saint George di Pertandingan Akhir EXPLOMATHS 2003.

Sebanyak 93 buah sekolah rendah termasuk sekolah kerajaan dan bukan kerajaan telah menyertai peraduan tersebut.

Tema EXPLOMATHS 2003 pada tahun ini 'Menerokai Matematik Melalui Teknologi Info-Komunikasi-ICT' dengan tujuan untuk meningkatkan minat para pelajar dalam mata pelajaran matematik serta meningkatkan kesedaran mengenai kegunaan teknologi maklumat dan perhubungan di bidang matematik.

Di samping itu ianya juga bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran guru-guru dalam mata pelajaran matematik dengan penggunaan ICT.

ABDB lancar projek amal

KUALA BELAIT, 29 Mei. - Sempena sambutan Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-42 pelbagai aktiviti dan projek dikendalikan di seluruh negara bagi membantu penduduk Negara Brunei Darussalam di samping menjalankan tugas menjaga keselamatan dan keamanan negara.

Sehubungan dengan itu, Pemerintah Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei (ATPBDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Inderasugara Kolonel Haji Mohammad Yusof bin Abu Bakar berkesudian menyempurnakan penyerahan sijil penyempurnaan projek amal kepada Pegawai Pelajaran

Oleh Siti Aishah HS

Kanan Daerah, Jabatan Sekolah-Sekolah Daerah Belait, Awang Juna bin Jumat bertempat di Sekolah Rendah OKPB Bukit Sawat.

Projek amal itu adalah bagi pembinaan jeti untuk Sekolah Rendah OKPB Bukit Sawat yang dilaksanakan oleh Batalion Ketiga Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDDDB).

Turut hadir di majlis berkenaan ialah Pegawai Daerah Belait dan pegawai-pegawai kanan ABDB.



PERTANDINGAN EXPLOMATHS Ke-11 2003 antara Sekolah Menengah Chung Hwa dan Sekolah Saint George. Majlis berlangsung di Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Guru-guru Pertanian terima sijil

Oleh Haji Ahmad HS

mewakili sembilan buah sekolah menengah seluruh negara.

Kursus telah dijalankan selama dua hari yang bermula kelmarin dan dikendalikan bersama oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Pertanian dan Jabatan Perikanan.

Sepanjang kursus para guru diberikan taklimat

mengenai pengenalan terhadap perubahan sukatan pelajaran, penggunaan buku panduan guru-guru dan sumber buku serta peralatan bagi menengah I. Para peserta juga membuat format 'assignment' mengenai Projek Bidang PMB - Satu Pendekatan Baru dan mendengar taklimat mengenai perkembangan pertanian di samping mengadakan lawatan ke Jabatan Perikanan di Serasa.

Antara tujuan taklimat

adalah untuk memudahkan dan memberikan kefahaman yang lebih baik mengenai matlamat dan objektif terhadap perubahan sukatan pelajaran pertanian, optimis penggunaan bahan-bahan pembinaan yang disediakan oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum sempena pelaksanaan pertukaran sukatan pelajaran pertanian dan untuk mempelajari mengenai isu-isu dan perkembangan dalam industri pertanian daripada pegawai Jabatan Pertanian serta

memberi peluang bagi guru-guru berinteraksi antara satu sama lain dan berkongsi idea untuk menambah kualiti proses pengajaran dan pembelajaran.

Subjek pertanian telah mula diajarkan sejak tahun 1970 dan Sains Pertanian pula merupakan sukatan pelajaran lama telah digantikan sejak 1984, masa ini telah diberi nafas baru dalam kurikulum bagi menemukan perubahan dan perkembangan dalam pertanian moden.

Muhd. Zulhamzi dan Mu'minah juara Peraduan Azan Subuh dan Menghafaz Ayat-ayat Lazim

Oleh Abdullah Asgar

Peraduan anjuran Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan disertai oleh 15 orang murid lelaki bagi Peraduan Azan Subuh yang mewakili 15 buah sekolah-sekolah rendah Brunei I.

Manakala bagi Per-

aduan Menghafaz Ayat-ayat Lazim pula melibatkan 15 orang murid perempuan juga dari 15 buah sekolah-sekolah di kawasan yang sama.

Peraduan itu berlangsung di Dewan Serbaguna Sekolah Rendah Pusu Ulak. Pegawai Pengajian Islam Brunei I, Awang Haji Talip bin Haji Ibrahim hadir selaku tetamu kehormat.

Acara tahunan itu bertujuan melatih murid-murid sekolah untuk lebih

suka membaca Kitab Suci Al-Quran dan melaungkan Azan sebelum mendirikan sembahyang lima waktu.

Kedua-dua pemenang itu akan bertanding bagi peringkat daerah yang akan diadakan sedikit masa lagi sebelum peraduan serupa diadakan bagi peringkat negara.



PEGAWAI Pengajian Islam Brunei I, Awang Haji Talip hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Peraduan Azan Subuh dan Menghafaz Ayat-ayat Lazim Sekolah-sekolah Rendah Kawasan Brunei I Ke-5 (kanan). Sementara gambar kiri, seorang murid yang menyertai Peraduan Azan Subuh ketika memperdengarkan suaranya. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

ATOK meraba-raba pinggangnya. Lenguh. Atok menggaru-garu lagi celah-celah ketiak, hujung jari dihidu, melekat bau hamis! Masih gatal. Tangannya menggosok-gosok pipi, terus ke belakang kuping telinga. Ada sisa-sisa kulit yang tanggal menimbulkan rasa nyaman.

Atok mengibar-ngibar baju dan seluar dengan tangan. Lebih banyak kuping-kuping, debu-debu putih bercampur kelabu gugur bertebaran. Atok terbatuk-batuk kecil sambil membetulkan kaca mata tebal.

Dari belakang bangunan lama itu, Atok melangkah ke depan. Suasana masih saja seperti biasa, sibuk dengan kenderaan dan manusia dengan urusan masing-masing.

Atok berjalan dari kedai yang pertama hingga terakhir. Ada lebih kurang 30 buah kedai. Kedai-kedai lama masih ada. Kedai-kedai baru tumbuh bagai cendawan. Matanya liar meninjau satu demi satu kedai-kedai yang dilewati. Atok berhenti sekejap, menggaru-garu sedikit, kemudian berjalan lagi.

Atok berjalan dari hujung ke hujung deretan kedai-kedai yang ada. Matanya memandang curiga. Dahinya berkerut-kerut. Kedut-kedut wajahnya jelas kelihatan. Atok cuba mengingat-ingati sesuatu. Sudah terlalu lama. Tapi mesti ada di kawasan tersebut. Kalau hilang? Tapi tidak boleh. Ianya tidak boleh hilang begitu saja. Atok menggeleng-geleng kepala.

Atok menyeberang jalan. Atok berhenti di hadapan sebuah bangunan kedai. Matanya liar penuh curiga. Atok berjalan dari hujung ke hujung deretan kedai-kedai. Sambil itu matanya masih liar memerhatikan keadaan sekeliling. Setiap kali tiba di hadapan pintu kedai, Atok berhenti seketika. Kadang-kadang Atok masuk ke dalam. Kadang-kadang Atok cuma memerhatikan dari luar saja.

Dahi Atok semakin berkerut-kerut. Rambutnya yang dipenuhi uban semakin kusut. Sekali-sekala tangan Atok menggaru-garu bahagian-bahagian tertentu pada tubuhnya. Semakin digaru, semakin terasa gatal dan nyaman.

Atok merasa letih. Lenguh pada sendi-sendinya semakin terasa. Sudah terlalu jauh rasanya berjalan. Perutnya terasa lapar. Atok memandang-mandang sekeliling. Dia mencari-cari pemandu keretanya. Tidak kelihatan.

Atok melangkah ke hujung belakang bangunan. Sekumpulan lelaki termasuk pemandu Atok sedang bermain 'dam' di bawah pohon kayu. Atok merenung pohon kayu itu. Tinggi besar dengan akar-akar yang separuh timbul di permukaan tanah.

Pemandu Atok sedang asyik bermain. Atok tidak jadi memanggilnya. Atok menggeleng-geleng kepala. Rasa lapar terasa lagi dalam perutnya. Ada bau enak terhidu. Atok mencari-cari dari mana datangnya bau yang enak dan lazat itu.

Asap sate menarik perhatiannya. Atok berjalan masuk ke dalam sebuah kedai kopi. Tauke kedai yang gemuk berkulit gelap segera mempersilakan Atok duduk.

"Mau minum apa Pak?" seorang lelaki muda sepiantas kilat datang menyapa.

Atok terdiam seketika. Dia memerhatikan penjual sate yang sedang duduk menyucuk daging. Pembantunya mengipas sate di atas bara.

"Kopi o dengan roti telur," jawab Atok sambil menggeleng-geleng kepala.

Belum lama, kopi o panas segera dihidangkan. Atok masih menantikan roti telur. Matanya tajam memerhatikan lelaki berkulit gelap yang sedang menyedai roti canai. Tompokan adonan yang sudah bulat jelas kelihatan. Seketul doh yang berlumur minyak ditarik, dilenyek atas meja. Dengan pantas tangan sasa itu menekan-nekan doh agar leper telur. Doh yang sudah leper seperti pinggan diangkat dan ditekankan ke atas. Setelah beberapa kali berbuat begitu, adonan dikembangkan di atas meja. Sebiji telur dipecahkan di atasnya. Dengan sekeli mata roti telur sudah berpindah ke atas 'tawar'. Asap dan minyak mengeluarkan aroma sedap!

Tidak sampai beberapa minit, roti telur sudah siap di mejanya. Sambil menggeleng-geleng kepala, Atok menikmati roti telur. Penjual sate lalu di hadapannya. Sekali lagi Atok menggeleng-gelengkan kepala.

Selesai makan dan membayar, Atok segera beredar. Penjual sate tersenyum dengan sopan. Atok juga tersenyum. Atok berlalu keluar sambil menggeleng-geleng kepala.

Atok merasa agak sendat. Setiap kali makan, seluarnya akan sendat seperti itu. Atok melonggarkan tali pinggang kulitnya. Semenjak beberapa tahun kebelakangan itu berat badan Atok semakin meningkat. Kadang-kadang peluhnya terlalu masin. Kadang-kadang juga air kencingnya diurung semut. Kadang-kadang kepalanya pening

terutama jika terlalu banyak makan makanan berlemak.

Atok menggaru-garu tengkuk. Basah dengan bau peluh. Atok terus berjalan menyeberang jalan besar. Kenderaan banyak. Atok berdiri agak lama. Peluhnya semakin lebat. Atok mengeluarkan sapu tangan dan mengesat wajahnya. Tekaknya terasa haus lagi. Atok membeli setin minuman sejuk dari dalam sebuah kedai yang berhawa dingin. Wang besar \$1,000.00 dihulur. Gadis manis berkulit putih melepak terkejut.

"Wang kecil tidak adakah?" soal gadis yang berkulit putih melepak. Jari-jarinya yang runcing berwarna merah muda masih menggenggam wang kertas \$1,000.00.

Atok tersengih-sengih. Gadis itu tersenyum menampilkan barisan giginya yang putih bersih dan tersusun rapi. Atok tersenyum sumbing.

"Wang kecil tidak ada. Tidak apa, simpan dulu. Nanti aku ke sini lagi," jawab Atok.

"Boleh aku tukarkan ke kedai sebelah. Tunggu sekejap!" Gadis yang berkulit putih melepak menawarkan budi.

"Tidak apa. Simpan saja dulu. Besok aku ke sini lagi," jawab Atok, masih tersengih-sengih. Pandangan mata mereka bertembung.

Gadis tersebut tersenyum meleret. Matanya yang berwarna biru memancar cahaya. Wang besar \$1,000.00 disimpan dalam laci. Atok meneguk sambil menggeleng-geleng kepala. Tin bekas minuman

.....
ATOK berjalan dari hujung ke hujung deretan kedai-kedai yang ada. Matanya memandang curiga. Dahinya berkerut-kerut. Kedut-kedut wajahnya jelas kelihatan. Atok cuba mengingat-ingati sesuatu. Sudah terlalu lama. Tapi mesti ada di kawasan tersebut. Kalau hilang? Tapi tidak boleh. Ianya tidak boleh hilang begitu saja. Atok menggeleng-geleng kepala.




ATOK

OLEH SOSONJAN A. KHAN

dilempar masuk ke dalam tong sampah. Panggg!! Tong sampah berbunyi kuat.

Atok terus melangkah dari hujung ke hujung deretan kedai-kedai. Dia berhenti sekejap dan berjalan lagi. Kadang-kadang Atok berada agak lama di dalam kedai yang ada menjual VCD. Atok suka membelek-belek VCD yang baru. Matanya liar memerhati dengan teliti. Dahinya berkerut-kerut. Kadang-kadang Atok tersenyum



sendirian. Cuma kadang-kadang!

Beberapa orang lelaki kelihatan berjalan lalu ke dalam kedai. Mereka bercakap agak tersipu-sipu pada tauke kedai. Sopan. Tauke kedai mengangguk. Sopan. Atok berjalan keluar dengan sopan sambil menggeleng-geleng kepala. Kertas lusuh dalam saku seluar diramas lagi.

Hari itu harga emas turun. Atok tahu. Atok selalu membaca tanda harga di kedai-kedai emas. Atok suka membeli emas. Biar pun tidak memakainya, Atok suka menyimpan sebagai koleksi peribadi. Atok tahu, emas berharga. Banyak orang suka emas.

"Moleh masuk! Moleh Masuk! Moleh tengok-tengok!" Lelaki tua berkedut-kedut, bermata sepet, dengan

uban memutih di kepala mempelawa.

"Ya! Aku dengar harga emas hari ini ada turun!" jawab Atok dengan mata curiga.

"Yaaa! Moleh lapat mullah halga, duduk!" lelaki tua bermata sepet menarik kerusi.

Atok duduk. Matanya liar memerhatikan isi dalam meja cermin. Ketulan-ketulan emas yang sudah siap dibentuk bergemerlapan. Gelang tangan, gelang kaki, rantai, cincin, subang, loket, kerongsang, pin tudung semuanya ada. Pelbagai bentuk, pelbagai berat dan pelbagai harga.

"Moleh pilih mana satu mau?" lelaki tua berkedut-kedut, bermata sepet dengan uban memutih di kepala mengeluarkan kunci dari poket seluar.

"Tidak apa. Aku cuma mau lihat-lihat saja dulu. Ini semua sudah ada. Ini semua sudah banyak. Lain-lain bentuk yang baru tidak adakah?" tanya Atok sambil menelan air liur.

"Ini semua balu... Tapi kalau mau tempah, mulih muat," lelaki tua terus mempelawa.

"Tidak apa, lain kali aku datang bawa bini."

Tauke emas mengangguk-angguk kepala tanda hormat dan faham.

Seorang ibu tua masuk. Satu bungkusan kecil dikeluarkan. Tauke emas memelam cermin mata. Atok berjalan keluar sambil menggeleng-geleng kepala. Tanpa menoleh ke belakang Atok mempercepatkan langkah.

Di sebelah kedai itu juga kedai emas. Di sebelah kedai emas itu juga ada kedai emas. Di sebelah kedai emas itu juga kedai emas.

Dahi Atok semakin berkerut-kerut. Atok bingung. Mata Atok terasa penat. Kepala Atok terasa berdenyut. Atok memicit-micit sedikit kepalanya yang tegang.

Cairan peluh yang menyisip di celah-celah pelipatan tubuhnya semakin gatal. Atok menggaru-garu mana-mana bahagian yang tercapai oleh tangan. Hujung jari-jari dihidu lagi. Bau asam! Atok meludah ke tanah. Tangannya digesel-gesel pada tepi seluar.

"Mungkinkah aku sudah salah tempat? Tapi mustahil!" Atok berkata-kata dalam hati.

PUISI

REMAJA

CATATAN

Remaja
apa tujuannya
apa matlamatnya
apa cita-citanya?

Remaja
usah buang masa
dengan khayalan semata-mata
jauh hidup berpura-pura
agar kau tidak menyesal
kelak pasti kau merana.

Remaja
tahukah kau
bumi kita semakin tercemar
di mana hilangnya suara lantangmu
apakah sumbangan generasimu
fikirlah, fikirlah
bersama kita kekal kan bumi bertuah
kebanggaan kita, agar tetap hijau
dan terus menghirau.

Remaja
bangkitlah untuk kita bersatu
bangkitlah untuk kita beramal
bangkitlah untuk kita bertakwa
berbakti pada keluarga
berjasa pada negara.

Inafarina - 2811

TAMADUN

Bahasa menunjukkan bangsa
begitu elok budi bahasa
indah bermadani
dalam mengalu kata-kata
nasihat berguna
taat dan hormat
perlu ada
barulah hidup selamat
elok budi
mulia hati
akan disanjung tinggi
beradat
besopan santun
sehati sejiwa
memberkati janji serumpun
kehidupan pun
membentuk martabat bertamadun.

Enny Eng. S

KEINSAFAN

Aku duduk di suatu sudut
di sebuah kamar bertirai besi
yang mengubah corak hidup.

Kamar ini saksi aku didera hingga parah
saksi sebuah kemarahan, kebencian
kesedihan, penderitaan, penyesalan dan
keinsafan
tirai besi ini mengajarku erti kehidupan
ruang bagi perangkap
memakan mangsa yang berdoxa
melakukan kezaliman.

Kulontarkan pandangan pada dinding
usang
mengenang sejarah silam di dalam
lipatan hidupku.

Aku benci, marah dan buntu
memikirkan keluargaku yang porak-
peranda
aku ingin penyelesaian
jalan terakhir ialah Syabu.

Kerana dia aku bebas dari masalah
kerana dia aku ketawa ramah
kerana dia aku dipinggir dari sekolah
kerana dia aku dihukum
kerana dia aku kehilangan keluarga hilang
segalanya.

Kini aku bertaubat ke jalan Allah
aku berdoxa taubatkan diterima
hatiku disucikan dari noda-noda hitam
memberi sinar keinsafan.

Penulis Malam

RAHSIA HATI

Tiada tahu
tentang rahsia hati ini
hanya pada ilahi, aku
berserah segalanya
betapa seksanya
hati ini menanti kehadiranmu.

Andainya engkau
mengerti
kembali kepadaku
yang setia di sini.

Rahsia hati
hilakah segala
penderitaan ini
berakhir.

Tentang kesetiaku
menanti kehadirannya
untuk sekian lama
hanya pada ilahi
aku berserah segalanya.

Esok pasti ku
temui kebahagiaan yang abadi.

B.N. Hamad

Aku bangga memilikimu
kerana kau istinewa
bijak berbicara menguntum ceria
bijak berbuat sesuatu
agar aku tidak keliru.

Aku kagum memilikimu
kerana kau baik
bijak mengukir kata bicara
pandai menyimpulkan kasih
agar aku tidak terstisih.

Aku gembira memilikimu
kerana kau sabar
bijak menangkis segala celaan
teguh menyimpan rahsia
agar aku tidak tersalah sangka.

Aku rela memilikimu
kerana kau jujur
bijak menyusun budi pekerti
tahu menjaga maruah diri
agar aku tidak mencurigai.

Aku insaf memilikimu
kerana kau tabah
tahu membina kekukuhan persahabatan
agar aku gembira.

Aku reda memilikimu
kerana kau takwa
sering mendekatkan diri pada Yang Esa
tahu membaca kitab suci
agar kita bersama dilindungi
Yang Maha Esa.

Maryatee

HUJAN

Semalam hujan
hari ini hujan
entah esok juga
mungkin hujan.

Di setiap titik hujan
mengingatkan aku pada seseorang
basah
kayup
membanting tulang
nelayan tua kehujaan pulang.

Nelayan tua
membawa harapan
untuk keluarga tersayang.

Rezeki hari ini
untuk hari ini
buat esok
belum tau lagi.

Hujan terus menitik lagi
hujan ribut tak peduli
ombak laut diharungi.

Pukulan ombak
menghempas pantai
menyapa deras
pasir kemilau
pasir menyepi biar disapa
pasir menyombong tanpa suara.

Ombak menjerit
membuka suara
nelayan tua
tetap setia
ombak juga setia
pantai juga setia
yang merubah
keadaan sekelilingnya
suasana bening.

Erra28

BINGUNG

Di sana sini
manusia berlari-lari
mencari dari benua ke benua
tiada pertemuan
hari demi hari
semakin meningkat kesengsaraan
semakin meningkat kematian.

Ke mana kecanggihan teknologi
perubahan?
ke mana pakar-pakar manusia?

Dunia kini dalam kebingungan
ekonomi tersungkur - terkulir tiada maya
burung-burung terbang tersekat
penghuni dunia tersadai di bumi sendiri
takut diundang sengsara
takut diundang kematian.

Tuhanku
inikah ujian buat hamba-Mu
inikah bala untuk dunia.

Kami pasrah pada ketentuan-Mu
di bawah kuasa-Mu
Yang Maha Agung.

A.H. Tuah

Dari muka 12

Sehelai kertas lusuh, kekuningan dan sedikit carik,
dikeluarkan dari poket seluar. Atok mengamat-amati
tulisan yang agak pudar. Segala tanda-tanda dan garis-
garis diamati betul-betul.

Dahi Atok berkerut. Bingung. Kertas lusuh pudar
warna, dilipat dan dimasukkan semula ke dalam poket
seluar. Atok mengedip mata. Hujung jarinya ditenyeh
sedikit pada kelopak mata. Ada rasa segar.

Jam tangan Rolex dipandang. Atok mempercepatkan
langkah menuju ke kereta. Pemandunya masih tidak ada.
Mungkin masih duduk di bawah pokok kayu. Atau
mungkin juga di kedai VCD.

Atok menoleh-oleh ke kanan dan ke kiri.
Pemandunya masih tidak kelihatan. Atok naik berang.
Wajahnya merah padam. Tiba-tiba dari jauh seorang lela-
ki kurus hitam berlari tergopoh-gapah ke arahnya. Lelaki
kurus hitam itu tersengih menampakkan barisan gigi yang
kuning berkarat ketika diserghah oleh Atok.

"Kau dari mana?" biji mata Atok tersembul besar.

"Maaf! Tertidur bawah pokok tuan!" lelaki kurus
hitam menundukkan kepala.

"Sudah! Jalan!"

"Mau bayar bil letak kereta dulu tuan."

Dengan sopan seorang wanita menyambut wang yang
dihulurkan. Beberapa orang teman wanita tersebut
tersenyum-senyum melihat gelagat lelaki kurus hitam
bergigi kuning berkarat membuka pintu kereta. Atok
masuk sambil menggeleng-geleng kepala.

Sepanjang jalan Atok tidak banyak cakap. Gelisah.
Dia memikirkan bagaimana 'benda' tersebut tidak ada.
Tapi dia yakin, 'benda' itu mesti ada di kawasan itu juga.
Mana mungkin 'benda' tersebut hilang begitu saja.

Sambil berfikir matanya asyik memerhatikan jalan
raya yang panjang lebar. Seperti saja dia tidak pernah
melihat jalan raya sebelumnya.

Pohon-pohon kayu banyak yang tumbuh besar tinggi.
Rimbun rendang, sejuk mata memandang. Hutan-hutan
rimba dan belantara sudah diteroka. Mustahil Atok lupa!
Kertas lusuh pudar warna dikeluarkan lagi. Atok renung
lama-lama.

Kereta berhenti bergerak. Kesusakan jalan raya.
Kereta beringsut perlahan-lahan. Dahi Atok berkerut-
kerut lagi. Lima jam terus berlalu. Kesusakan jalan raya
masih belum selesai.

Ambulans dan bomba muncul dari depan, dari
belakang dari kanan dan kiri. Atok mendengus. Bibirnya
cebibik. Atok turun dari kereta dan menoleh-oleh keadaan
sekeliling. Panas terik dan sesak. Orang ramai semakin
merungut.

Bunyi hon kedengaran dari semua arah. Atok masuk
semula ke dalam kereta. Alat pendingin hawa dipulas
naik dari semua arah. Atok mengarahkan pemandunya
berpatah balik. Pemandunya bingung. Semua jalan
tersekat. Kereta mereka masih terkepung di tengah jalan
raya.

Atok melihat jam tangannya. Silau. Cahaya batu-batu
berlian memancar. Atok menggaru-garu kelemumur.
Gatal! Atok menggeleng-geleng kepala. Kerak-kerak
kelemumur berguguran.

Atok sudah terlena ketika sampai ke perkarangan
rumah. Kediaman itu baru dibeli beberapa tahun lepas.
Banglo mutakhir, jauh di hujung desa tapi sederhana
besarnya. Cukup buat nenek dan Atok berdua.

Nenek merungut tinggal di banglo yang sudah-sudah.
Kota besar, bising. Sentiasa hingar-bingar. Nenek mahu
tempat yang lebih alami, ada padang bola, ada sawah-
sawah padi nan menghirau, ada kolam ikan karuk, sepat,
keli, belut atau haruan. Ada pokok-pokok bunga hijau
dalam pasu, ada burung-burung dan ayam dalam sangkar.

Tanah luas saujana mata memandang di belakang
rumah Atok itu pula sudah dibuat ladang ternakan lembu,
kerbau dan kambing.

Di belakang ladang ternakan ada air terjun dan bukit.
Setiap hari nenek merasa adanya ketenangan dengan
keadaan alam semula jadi seperti itu.

"Bagaimana, kau selesai?" tanya Atok pada nenek.

"Ya. Aku sangat suka dengan semua yang ada.
Semalam aku beli seribu biji periuk belanga Toshiba.
Seribu set pinggan mangkuk dari USA. Seribu set sudu

makan Jerman. Seribu set sofa Itali. Seribu set... seribu
set... seribu set... seribu set... seribu set..." Nenek
bercakap panjang lebar.

Atok menggeleng-geleng kepala sambil masuk ke
dalam bilik tidur yang mempunyai banyak tingkap jeriji.

Malam itu di dalam tidurnya Atok bermimpi, lelaki
kurus hitam bergigi kuning berkarat, menjadi juara 'dam'
di bawah pokok kayu. Tapi itu bukan mimpi yang perta-
ma.

Atok terjaga dan memandang sekeliling. Senyap
sunyi. Bunyi lembu dan kambing sayup-sayup terdengar
di kupingnya. Dia melihat jam di dinding. Pukul 4.00
pagi. Atok menarik selimut sambil menggeleng-geleng
kepala.

Seperti hari-hari sebelumnya, Atok keluar lagi ber-
jalan dari hujung kedai ke hujung kedai. Dari sebuah
pintu kedai ke sebuah pintu kedai dengan dahi yang sen-
tiasa berkerut dan mata yang liar.

Jika terasa lapar atau dahaga, Atok akan masuk ke
salah sebuah kedai makan yang ada. Jika rasa hendak
membuang air besar atau kecil, Atok akan masuk tandas
awam dan membayar sebelum keluar.

Setelah itu Atok akan melanjutkan langkahnya men-
jenguk supermarket-supermarket yang besar-besar dan
yang kecil-kecil, kedai-kedai makan, kedai-kedai emas,
kedai-kedai intan berlian, kedai-kedai jahit, kedai-kedai
buku, kedai-kedai gambar, kedai-kedai dobi, kedai-kedai
ubat, kedai-kedai ikan, kedai-kedai burung, pasar ikan,
pasar sayur, kedai-kedai beras, gula dan kopi.

Kadang-kadang Atok masuk pawagam juga, tengok
wayang. Kalau masuk pawagam, nenek akan ikut sama.
Nenek suka tengok wayang Hindustan. Tapi sering, baru
separuh wayang dimainkan Atok akan keluar awal.
Dahinya akan berkerut-kerut.

Toleh kanan, toleh kiri akhirnya Atok akan mencari
restoran yang berhampiran. Atok menyeluk saku. Kertas
lusuh direnung lagi. Atok melihat jam tangan. Atok meli-
hat matahari sudah condong ke barat. Atok tahu, dia tidak
boleh berputus asa. Esok dan hari-hari berikutnya masih
ada.

Baru masuk malam. Atok penat. Atok masuk ke
kamar mandi. Seperti biasa, Atok mandi lama-lama. Atok
suka mandi. Setelah mandi Atok akan makan bersama
nenek. Biasanya nenek akan bercerita banyak. Atok
sekadar mendengar.

Setelah makan, Atok tergerak untuk duduk di beranda
luar. Bekas curut dibawa bersama. Cuaca sangat baik.
Atok melihat langit indah. Ada bulan yang terang. Ada
bintang-bintang bertaburan. Ada angin segar menerpa
tubuhnya.

Suara serak nenek memanggil dari dalam. Atok masih
menyedut cerut. Atok bangun untuk masuk. Langkah
Atok tersekat. Atok seperti mendengar ada bunyi suara
dari bawah padang bola. Atok tidak jadi masuk ke dalam.
Atok melangkah untuk mendekati ke hujung beranda.

Samar-samar di bawah cahaya bulan ada sekelompok
bayang-bayang terlihat olehnya. Beberapa orang anak-
anak muda memetik gitar sambil bernyanyi. Atok terpe-
gun. Atok berdiri lama untuk mendengar. Atok meng-
garu-garu belakang kuping telinganya. Lagu-lagu yang
dinyanyikan terdengar amat merdu.

Cahaya bulan semakin terang. Atok terpegun. Peluh
membasahi dahi Atok. Peluh membasahi seujur tubuh
Atok. Atok merasa dingin. Atok beredar perlahan-lahan
sambil menggeleng-geleng kepala. Atok menggeleng-
gelengkan kepala lagi dan lagi sampai akhirnya tersandar
ke dinding!

RALAT

PELITA BRUNEI keluaran 4 Jun 2003, Ruangan
Puisi di bawah tajuk BILA TIGA SURAH MAN-
TAP DI HATI paragraf 4 perenggan akhir hen-
dakah dibaca :
kerana Kubu Allah itu sifatnya memang hebat
tiada tertembusi.

Di bawah tajuk SELAWAT paragraf 1 pereng-
gan 2 hendaklah dibaca :
dalam abad sengsara ini.

Kami mohon maaf atas kesilapan yang tidak
disengajakan ini. - Penyunting.



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تيليشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

R A B U 11 JUN	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.12	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	SIRAH NABAWIYAH	8.50	DRAMA - AMANAH - 'Mutiar Di Lumpur'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	4.15	ANIMATION HOUR : 'Marsupilami'	MALAM	9.25	HALUAN
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG	5.00	JUARA - Siaran Langsung	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.20	10.30	COSBY SHOW - SR. 2
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.00	CAFE DIGITAL	7.48	11.00	'Not So Ez'
K H A M I S 12 JUN	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	FIQHUL MIRATS	8.50	AN-NUUR - Siaran Langsung
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	4.15	ANIMATION HOUR: THE MAGICIAN/FRACASSE	MALAM	10.00	NEWS AT 10
